

هتقن تته

PETIKAN TITAH

"INI bermakna, para graduan akan terus meningkat jadi pemikir, bukan lagi setakat remaja biasa. Inilah yang kita mahukan, untuk melahirkan generasi berwibawa."
- Titah Majlis Konvokesyen Ke-23 Universiti Brunei Darussalam, Tahun 1432H / 2011M.



Hujung Minggu Pelita BRUNEI قلعة في

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : "Jika masuk separuh bulan Syaaban maka janganlah kamu berpuasa."

Waktu Sembayang

IMSAK

4.40

SUBUH

4.50

SYURUK

6.10

DUHA

6.33

ZUHUR

12.19

ASAR

3.34

MAGRIB

6.26

ISYAK

7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 50

27 APRIL 2019 / 1440 شعبان 21

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



PERKENALKAN produk
tempatan ke China

Muka 10



KARNIVAL Memperkasa
Budaya Membaca

dilancarkan

Muka 12



MOHON keberkatan
keselamatan jalan raya


Muka 18



PELITA BRUNEI hari ini
menerbitkan ruang
baharu

Muka 22

Brunei - China bincang hubungan dua hala



PERTEMUAN dua pemimpin...Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengadakan Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping di East Hall, Great Hall of the People. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 4).

Bimbing anak-anak cintai Al-Quran



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa meninjau ke kelas pengajian Al-Quran Sekolah Agama PAPANB.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ampuan Haji Mahmud

Ampuan Haji Tengah

MENTIRI, Jumaat, 26 April. - Program Cintai Al-Quran adalah sebagai platform diri anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan dan anak-anak yatim untuk bergerak ke hadapan menimba ilmu dan mendalami lagi Al-Quran sebagai teman hidup mereka.

Mereka yang terpilih adalah disaran untuk mengambil peluang keemasan tersebut dengan sepenuh-penuhnya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat menggariskan perkara tersebut pada Majlis Pelancaran Program Cintai Al-Quran 2019 yang diadakan di Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah (PAPANB).

Ke muka 9

Hubungan Brunei - Bangladesh terus kukuh

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyaraful Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

Puan Yang Terutama Sheikh Hasina,
Perdana Menteri Republik Rakyat
Bangladesh,

Tuan Yang Terutama - Tuan Yang
Terutama,
Tuan-tuan dan Puan-puan,

BETA dan Duli Raja Isteri amat
berbesar hati mengalu-alukan
Lawatan Rasmi Puan Yang Terutama
Perdana Menteri ke Negara Brunei
Darussalam kali pertama ini.

Lawatan PYT ke negara ini
mencerminkan persahabatan peribadi
dan mesra bukan sahaja antara kedua-
dua kerajaan, tetapi juga rakyat
kedua-dua buah negara.

Ia menandakan pencapaian penting
dalam hubungan dua hala yang bermula
sejak 35 tahun yang lalu apabila
kedua-dua buah negara menjalin
hubungan diplomatik.

Beta ingin mengambil peluang ini
untuk mengucapkan tahniah kepada PYT
Perdana Menteri atas pelantikan semula
PYT sebagai Perdana Menteri Republik
Rakyat Bangladesh. Kemenangan PYT
ini memperlihatkan keyakinan rakyat
dengan adanya kepimpinan PYT.

Sejak beberapa tahun kebelakangan,
Negara Brunei Darussalam dan Republik
Rakyat Bangladesh telah menjalin
hubungan kerjasama dalam pelbagai
bidang berkepentingan bersama dan
menyaksikan pertukaran aktif antara
rakyat kedua-dua buah negara.

Majlis Penandatanganan Memorandum
Persefahaman pada hari ini akan
mengukuhkan lagi hubungan yang
sungguh bernilai dan memastikan ia
akan terus diperkukuhkan pada tahun
mendatang.

Kerjasama yang bernilai antara
kedua-dua buah negara termasuk
penglibatan dan kerja keras rakyat
Republik Rakyat Bangladesh dalam

**"SEJAK beberapa tahun kebelakangan,
Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh
telah menjalin hubungan kerjasama dalam pelbagai
bidang berkepentingan bersama dan menyaksikan
pertukaran aktif antara rakyat kedua-dua buah
negara. Majlis Penandatanganan Memorandum
Persefahaman pada hari ini akan mengukuhkan lagi
hubungan yang sungguh bernilai dan memastikan ia
akan terus diperkukuhkan
pada tahun mendatang."**



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Persantapan Rasmi bagi Meraikan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina pada Isnin, 16 Syaaban 1440 Hijrah bersamaan 22 April 2019 Masihi di Dewan Persantapan, Istana Nurul Iman.

Terjemahan dari teks asal dalam
bahasa Inggeris oleh
Hajah Musmariani Haji Mohammad

pelbagai bidang dalam pembangunan
Negara Brunei Darussalam termasuk
kesihatan, pendidikan dan sektor
pembinaan. Beta dan kerajaan beta
amat menghargai sumbangan mereka.

Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam dan
Bangladesh terus bekerja rapat
bersama-sama dalam pelbagai forum
serantau dan antarabangsa termasuk
ASEAN, OIC, NAM dan Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beta juga telah menyaksikan
peranan aktif dan penyertaan
Bangladesh dalam menyertai
semua organisasi berkenaan.

Usaha-usaha Bangladesh adalah
sangat membanggakan, terutama
sekali dalam menyediakan bantuan
kemanusiaan dan menyumbang kepada
misi-misi keamanan Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perdana Menteri,
Lawatan PYT, tidak syak lagi akan
meningkatkan kerjasama dua hala
dalam pelbagai bidang serta
memperkukuhkan lagi hubungan
kedua-dua buah negara.

Akhirnya, beta berharap PYT dan
delegasi PYT memperoleh layanan
yang baik semasa berada di Negara
Brunei Darussalam dan bagi pihak
kerajaan dan rakyat Negara Brunei
Darussalam, beta ingin mengucapkan
selamat menyambut kedatangan
bulan Ramadan yang bakal tiba
kepada PYT dan keluarga serta
rakyat Bangladesh.

Terima kasih.
Wabillahit Taufeq Walhidayah,
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

27 APRIL 2019 BERSAMAAN 1440 شعبان 21

TERAPKAN BUDAYA MEMBACA

BUDAYA membaca amat penting
diamalkan kerana ia akan memberikan
pelbagai faedah yang boleh dipraktikkan
dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian,
isu budaya membaca dalam kalangan
masyarakat kita tidak seharusnya dipandang
ringan. Hal ini kerana hasrat negara untuk
mempunyai rakyat dan penduduk yang
berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta
menjadi negara maju pasti akan terganggu. Oleh
itu, pada zaman yang serba mencabar ini, negara
amat memerlukan rakyatnya yang dilengkapi
dengan pendidikan dan kemahiran bagi
sama-sama membangunkan negara. Dengan
memberikan penekanan terhadap budaya
membaca, seseorang itu akan dapat memperoleh
pelbagai ilmu pengetahuan yang boleh
disumbangkannya bagi memajukan negara.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) baru-baru
ini telah melancarkan Karnival Memperkasa
Budaya Membaca (KMBM) sempena Hari
Buku Sedunia 2019, yang mana ia antara lain
bertujuan untuk memupuk budaya membaca
dan menggalakkan pembelajaran sepanjang
hayat secara tidak formal melalui pelbagai
medium yang boleh dilaksanakan di
Perpustakaan DBP di seluruh negara.
Karnival tersebut juga dihasratkan dapat
meningkatkan penggunaan perpustakaan dari
segi perkhidmatan dan kemudahan untuk
masyarakat di negara ini.

Sepanjang KMBM berlangsung berbagai-
bagai aktiviti dikendalikan oleh Bahagian
Perpustakaan sebagai usaha membarigakan dan
mendidik orang ramai mengenai tatacara
pencarian bahan, mengenalkan perkhidmatan
rujukan, memberi pendedahan kepada literasi
maklumat dan kempen pendaftaran keahlian
perpustakaan. Di samping itu, turut diadakan
ialah pendidikan literasi awal untuk
kanak-kanak di bawah umur lima tahun selain
kegiatan lain seperti ceramah, bimbingan
motivasi belia, bengkel pustakawan dan seni
khat Jawi. Dengan adanya aktiviti seumpama ini
ia akan dapat memupuk minat dan budaya
membaca tanpa mengira usia di samping
mendekatkan pengguna dengan perpustakaan
sebagai pusat ilmu.

Oleh yang demikian, kita semua hendaklah
menanamkan pada diri dan orang sekeliling
agar menerapkan budaya membaca kerana ia
mempunyai manfaat di samping untuk
menambahkan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini,
para ibu bapa mempunyai tanggungjawab
yang besar dalam memupuk budaya
membaca. Hal ini disebabkan budaya membaca
perlu dipupuk sejak anak-anak kecil lagi
kerana Melentur Buluh Biarlah dari
Rebungnya - Ketua Penyuntingan (Rd)

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 31 24 °C	31 25 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR 30 24 °C	31 25 °C	32 25 °C
PEKAN TUTONG 31 24 °C	31 25 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT 30 24 °C	30 25 °C	32 25 °C

Wallahu'alam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	SABTU	21	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
28	AHAD	22	4.40	4.50	6.10	6.32	12.19	3.34	6.26	7.38
29	ISNIN	23	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	SELASA	24	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 MEI	RABU	25	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
2	KHAMIS	26	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38
3	JUMAAT	27	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Belt and Road Forum dirasmikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Perasmian The 2nd Belt And Road Forum For International Cooperation yang diadakan di China National Convention Center di Beijing.

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 26 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Perasmian The 2nd Belt And Road Forum For International Cooperation yang diadakan di China National Convention Center di Beijing. Berangkat mengiringi

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Perasmian tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di Pusat Persidangan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping serta Ketua-ketua Negara dan Kerajaan yang lainnya, dijunjung beredar ke Dewan Plenari bagi Majlis Perasmian.

Majlis Perasmian dimulakan dengan ucapnama daripada Tuan Yang Terutama Presiden Xi



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

Jinping. Majlis diikuti dengan ucapan daripada beberapa orang Ketua Negara dan Kerajaan, diakhiri dengan ucapan daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



BERANGKAT mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Perasmian tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



MAJLIS Perasmian dimulakan dengan ucapnama daripada Tuan Yang Terutama Presiden Xi Jinping.



UCAPAN daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Antonio Guterres.

Brunei - China bincang hubungan dua hala



第二届“一带一路”国际合作高峰论坛
THE SECOND BELT AND ROAD FORUM FOR INTERNATIONAL COOPERATION


Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 26 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping. Perjumpaan Dua Hala berlangsung di East Hall, Great Hall of the People. Berangkat mengiringi


Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Majlis Perjumpaan tersebut, Kebawah DYMM dan TYT Presiden Republik Rakyat China berbincang mengenai hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China, serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengadakan Perjumpaan Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Xi Jinping, Presiden Republik Rakyat China di East Hall, 1st Floor, Great Hall of the People, Beijing.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengadakan Perjumpaan Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Xi Jinping, Presiden Republik Rakyat China di East Hall, 1st Floor, Great Hall of the People, Beijing (atas dan bawah).



Berangkat tiba di Beijing hadiri Belt and Road Forum



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Beijing Capital International Airport dijunjung oleh Timbalan Datuk Bandar Beijing, Tuan Yang Terutama Lin Fusheng; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong dan Pegawai-pegawai Kanan Pemerintah Republik Rakyat China (atas). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik.



BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 25 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat tiba di Beijing, Republik Rakyat China bagi menghadiri The 2nd Belt And Road Forum For International Cooperation yang akan diadakan pada 26 dan 27 April 2019.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Beijing Capital International Airport dijunjung oleh Timbalan Datuk Bandar Beijing, Tuan Yang Terutama Lin Fusheng; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong dan Pegawai-pegawai Kanan Pemerintah Republik Rakyat China.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Kuasasusaha

Siaran Akhbar :

Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Rakyat China, Dayang Lee Kok Ting.

Baginda juga disembahkan dengan sejambak bunga sebelum berangkat melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik dan seterusnya berkenan menaiki kenderaan khas menuju sesebuah hotel ternama di Beijing, tempat persemayaman baginda di sepanjang keberangkatan ini.

Belt And Road Forum For International Cooperation (Belt and Road) adalah satu platform kerjasama antarabangsa yang telah diasaskan oleh Republik Rakyat China untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan perdagangan bebas.

Inisiatif Belt and Road ini adalah berlandaskan dengan semangat konsultasi dan kerjasama bagi manfaat kesemua negara-negara yang terlibat khususnya di bidang ekonomi, pelaburan dan perdagangan, kesalinghubungan (*connectivity*), pemberdayaan (*empowerment*) serta meningkatkan taraf hidup rakyat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Beijing, Republik Rakyat China.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berswafoto (kiri). Sementara gambar kanan, antara pelajar negara yang berada di Beijing.

Berkenan berangkat ke Beijing



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China bagi menghadiri The 2nd Belt and Road Forum for International Cooperation yang akan diadakan pada 26 dan 27 April 2019. Berangkat mengiringi Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KEBAWAH DYMM dan **DYTM** Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima junjung ziarah sejurus sebelum berangkat meninggalkan negara bagi menghadiri The 2nd Belt and Road Forum for International Cooperation yang akan diadakan pada 26 dan 27 April 2019.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China bagi menghadiri The 2nd Belt and Road Forum for International Cooperation yang akan diadakan pada 26 dan 27 April 2019.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.



KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan di Istana Nurul Iman.

Oleh : Khartini Hamir, Saerah Haji Abd Ghani

Foto : Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Ehwal Luar Negeri.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; dan wakil daripada Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam.

The 2nd Belt and Road Forum for International Cooperation (BRF) tahun ini bertemakan 'Belt and Road Cooperation' - Shaping a Brighter Shared Future (Membentuk Masa Depan Cerah Bersama).

Melalui BRF kedua ini dijangka akan

dapat menghasilkan pelbagai manfaat, termasuk kedua-dua persetujuan kerjasama di antara kerajaan dan inisiatif-inisiatif juga projek kerjasama konkrit serantau yang melibatkan penyertaan daripada sektor perniagaan.

Menerusi forum itu nanti akan dapat menghantar mesej positif pengukuhan kerjasama ekonomi antarabangsa, menggalakkan pertumbuhan global dan membina ekonomi global terbuka, selain menetapkan keutamaan yang jelas untuk kerjasama dan membuat kemajuan konkrit ke arah kerjasama yang berkualiti.

Di samping itu, dapat memperluaskan lagi kerjasama pelbagai hala, dengan memberi tumpuan membangunkan BRF dan meningkatkan kerjasama dengan institusi ekonomi dan kewangan pelbagai hala dengan kerjasama pelbagai pihak dalam bidang-bidang tertentu.

Negara tuan rumah juga yakin bahawa dengan usaha bersepadu semua pihak yang terlibat, BRF kali kedua ini akan dapat memberikan hasil yang memuaskan, mewujudkan lebih banyak daya pemacu untuk pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara peserta dan negara-negara yang bersangkutan, memberikan lebih banyak peluang untuk kerjasama ekonomi antarabangsa, dan menyumbang lebih banyak kepada visi komuniti dengan masa depan bersama untuk manusia dan jenis hubungan antarabangsa baharu.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned membaca Doa Selamat.

Berkenan menerima mengadap

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Minyak dan Gas, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammed bin Hamad Al Rumhy.

Menyertai bersama Tuan Yang Terutama pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari dan Chief Executive Officer of Oman Liquefied Natural Gas, LNG, Tuan Harib Abdullah Al Kitani.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussein dan Timbalan Menteri Tenaga



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Minyak dan Gas, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammed bin Hamad Al Rumhy.

(Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji

Matsatejo bin Sokiaw. Tuan Yang Terutama Menteri Minyak dan Gas, Kesultanan

Oman berada di negara ini bagi menghadiri Seminar Bersama Brunei - Oman Ke-3 yang

diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 23 hingga 24 April 2019.

Menerima mengadap pembesar Kesultanan Oman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Minyak dan Gas, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammed bin Hamad Al Rumhy.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap

Menteri Minyak dan Gas, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammed bin Hamad Al Rumhy.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

Tuan Yang Terutama pada Majlis Mengadap tersebut disertai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara

Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari dan Chief Executive Officer of Oman Liquefied Natural Gas, LNG, Tuan Harib Abdullah Al Kitani.

Juga hadir, Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji

Md. Hussein dan Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

TYT Menteri Minyak dan Gas, Kesultanan Oman berada di negara ini bagi menghadiri Seminar Bersama Brunei - Oman Ke-3 pada 23 dan 24 April 2019.

Brunei DPMM FC, Young Lions kongsi mata



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berangkat menyaksikan Perlawanan Liga Perdana Singapura di antara pasukan Brunei DPMM FC menentang pasukan Young Lions. Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Masri Osman,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Brunei DPMM FC terpaksa berpuas hati dengan keputusan seri, 0 - 0 menentang Young Lions pada Perlawanan Liga Perdana Singapura di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas, di sini.

Meskipun bermain di tempat sendiri, harapan Brunei DPMM FC untuk mengutip tiga mata penuh gagal diraih.

Berangkat menyaksikan perlawanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran

Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman bersama kerabat diraja yang lain.

Sebaik sahaja perlawanan separuh masa pertama dimulakan, Brunei DPMM FC cuba mengejutkan pihak lawan apabila sepakan Andrei Varankou hampir sahaja membolosi gawang Young Lions, namun dapat diselamatkan oleh penjaga gol Kenji Rusydi.

Pasukan lawan turut membuat

beberapa percubaan untuk menghasilkan jaringan pembukaan perlawanan, namun percubaan mereka tidak menepati sasaran dan terkena palang.

Separuh masa kedua menyaksikan kedua-dua pasukan berusaha untuk membolosi gawang lawan masing-masing, namun gagal membuahkan hasil sehingga wisel penamat.

Brunei DPMM FC mengekalkan rekod tanpa kalah dan kekal di tangga teratas Liga Perdana Singapura dengan mengutip 17 mata daripada

tujuh perlawanan, manakala Young Lions di tangga kelapan dengan mengutip empat mata daripada enam perlawanan.

Perlawanan Brunei DPMM FC seterusnya akan berlangsung pada 28 April ini di SNHB menentang Hougang United FC.



TURUT berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara pasukan Brunei DPMM FC menentang pasukan Young Lions (kiri dan kanan).

Bimbing anak-anak cintai Al-Quran



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Othman (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Cinta Al-Quran bertempat di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkliah, Mentiri (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Othman (kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada tenaga pengajar.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat, program tersebut adalah sangat bertepatan, jika kita pandai membaca Al-Quran dengan baik, bukan saja memudahkan diri kita dapat beramal dengan sempurna, malah kita selaku ibu bapa boleh pula menyumbang khidmat untuk generasi kita yang perlu dibimbing kerana sesungguhnya anak yang soleh adalah sinar cahaya dan kebahagiaan ibu bapa di dunia dan di akhirat.

Justeru itu, jelas Yang

Berhormat, anak-anak menuntut tanggungjawab ibu bapa untuk melaksanakan tugas dalam mendidik dan membentuk mereka dengan sesempurnanya, terutama dalam memberikan didikan agama, selain juga banyak mengharapkan persekolahan ugama yang membimbing anak-anak kita.

Oleh itu tambahnya, Program Cintai Al-Quran adalah satu program yang indah dan mulia, yang julung kali diadakan sebagai memupuk kesedaran kepada diri kita bukan saja di kalangan kanak-kanak malahan penuh bermakna lagi kepada kita untuk

menyedari dan beramal tanpa had umur kita.

"Program ini sangat menarik perhatian saya, walaupun saya tahu kerja yang sebegini sukar dicapai kalau tidak ada sokongan dari kesemua pihak," ujarnya.

Sehubungan itu, Yang Berhormat yakin program tersebut tidak akan berakhir di sini dan percaya susulan dari program itu akan dapat diteruskan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat juga menyarankan kepada ibu bapa dan penjaga, berilah sokongan secara berterusan kepada anak-anak demi kejayaan di masa akan datang, kerana sokongan dan dukungan berterusan ini amatlah mustahak demi masa depan mereka.

Pada majlis itu, Yang Berhormat

telah melancarkan program dan kemudian meninjau kelas-kelas para peserta program bagi tahun ini.

Program Cintai Al-Quran 2019 adalah salah satu aktiviti kolaborasi di antara Biro Keagamaan, MPK RPN Kampung Panchor Mengkubau dan Al Huffaz Management, disokong oleh Sekolah Ugama PAPANB bersama Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Seramai 80 orang telah terpilih untuk menyertai program setelah sesi tasmik dijalankan oleh tenaga-tenaga pengajar dari Al Huffaz Management untuk menilai tahap kemahiran mereka, yang mana terdapat dua pembahagian kelas diadakan, iaitu Kelas Iqra dan Al-Quran.

Pengajian mereka telah pun bermula pada 12 April lalu dan dirancang diadakan pada setiap hari Jumaat bermula jam 8.00 hingga 10.00 pagi sehingga bulan Disember.

Program bertujuan untuk memberi peluang kepada anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan dan anak-anak yatim yang belum berkesempatan untuk mempelajari Iqra dan Al-Quran dengan hasrat untuk mendidik serta membimbing mereka ke arah kecenderungan dan fasih dalam bacaan Al-Quran.

Selain memupuk minat mereka membaca dan menyelami Al-Quran, ia juga secara tidak langsung menarik minat mereka untuk mempelajari bahasa Arab.

Bertahlil di Kubah Makam Diraja



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Juga hadir ialah Penasihat PERWIRA, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud; Yang Di-Pertua PERWIRA, Yang Dimuliakan Pehin Dato Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Shari bin Ahmad; para mantan Pemerintah dan Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta Ahli-ahli PERWIRA.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 April. - Sempena Ulang Tahunnya Ke-27 Tahun, Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA) pagi tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit bertempat di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan.

Hadir ialah Menteri Pertahanan

Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir ialah Penasihat PERWIRA, Yang Amat Mulia

Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud; Yang Di-Pertua PERWIRA, Yang Dimuliakan Pehin Dato Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Shari bin Ahmad;

para mantan Pemerintah dan Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta Ahli-ahli PERWIRA.

Pada sebelah petang, juga diadakan Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim yang dihadiri oleh ahli-ahli wanita dan para isteri Ahli-ahli PERWIRA di Dewan Punai, Pangkalan Tentera Udara Rimba.

Memperingati Hari Anzac



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (empat, kanan) dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum (tiga, kanan) (gambar kanan). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada Hari ANZAC (Australian and New Zealand Army Corps-ANZAC).

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

MUARA, Khamis, 25 April. - Hari ANZAC (Australian and New Zealand Army Corps-ANZAC)

yang diraikan di seluruh dunia oleh penduduk rakyat Australia dan New Zealand setiap 25 April bagi

memperingati pengorbanan dan perjuangan anggota-anggota tentera kedua buah negara tersebut semasa perang dunia kedua.

Sehubungan itu, lebih 100 warga Australia, New Zealand, Negara

Brunei Darussalam (NBD) serta tetamu antarabangsa berkumpul pada awal pagi untuk sama-sama memperingati pengorbanan tentera-tentera berkenaan pada Majlis Memperingati Hari Anzac yang diadakan di Tugu Peringatan Brunei-Australia, Pantai Muara.

Tugu peringatan Brunei - Australia di Pantai Muara itu merupakan tapak peringatan tahunan Hari ANZAC yang diadakan oleh Suruhanjaya Tinggi Australia di negara ini.

Hadir pada majlis itu, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum.

Jalanan hubungan diplomatik yang akrab antara NBD dan Australia telah sudah lama terjalin sejak Mei 1984.

Dalam tempoh 35 tahun itu, hubungan kedua-dua buah negara menjadi lebih rapat dan terus berkembang dengan persahabatan yang erat di antara rakyat serta kerjasama yang berharga dalam pelbagai bidang termasuk bidang pertahanan.

Perkenalkan produk tempatan ke China



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah (tiga, kanan) ketika meninjau perusahaan tempatan di Pavilion Kebangsaan Brunei di JD.com.

Siaran Akhbar : Pure Fresh International Holdings Limited
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BEIJING, 25 April. - Pavilion Kebangsaan Brunei di JD.com, peruncit terbesar dalam dan luar talian di China memberi peluang kepada syarikat-syarikat perusahaan Brunei untuk memperkenalkan sekali gus memasarkan produk-produk tempatan di negara itu melalui platform tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menekankan perkara itu semasa perasmian pavilion tersebut dan kolaborasi perusahaan Brunei dan China dalam industri makanan laut di Beijing, Republik Rakyat China, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Dato lagi, dengan adanya pavilion tersebut, ia dapat memberikan pendedahan meluas ke atas

pelbagai produk makanan berkualiti tinggi dari Negara Brunei Darussalam, selain menyeru agar hubungan kerjasama seperti itu akan diteruskan dan dikembangkan majukan antara syarikat-syarikat dari Brunei dan China.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Brunei Industrial Investment Holdings Co. Ltd., Eyan Ou berkata, bahawa kerjasama tersebut telah mewujudkan sinergi penting dengan saling mempengaruhi kekuatan rakan dan sumber seperti reputasi jenama, pengetahuan pasaran, keupayaan penyelidikan, saluran-saluran pengedaran, perladangan segar serta kecanggihan model dan teknologi runcit.

"Penyertaan aktif dari pelbagai pihak akan memastikan pengguna sentiasa mendapat

produk halal berkualiti dari Brunei dan ia menunjukkan komponen penting ke arah kejayaan industri makanan laut," ujarnya.

Manakala itu, Pengarah Kanan 7FRESH Business Development JD.com, Yishen Tang, menyatakan sokongannya atas pelancaran kedai kebangsaan Brunei di JD.com dengan menekankan keupayaan kukuh JD.com akan membolehkan syarikat itu menyediakan rakan-rakannya dengan infrastruktur penting untuk berjaya dalam pasaran China.

Tambahnya, JD komited untuk membawa produk-produk dan jenama terbaik dari Brunei serta negara lain kepada para pengguna China.

Pelancaran tersebut turut menyaksikan penandatanganan Perjanjian Kerjasama Strategik antara Pure Fresh International Holdings Limited; Pure Fresh (B) Sdn. Bhd. dan tiga lagi pertubuhan iaitu CCIC Traceability Technology Service Co. Ltd., Sinochem Capital Investment Management Ltd., dan Guangdong Shunde Rural Commercial Bank Company Ltd., yang bertujuan untuk mengukuhkan pelaksanaan Pavilion Kebangsaan Brunei.

Pure Fresh International Holdings Ltd. pada acara itu turut mengadakan pelancaran produk-produk makanan laut di bawah persetujuan penjenamaan bersama antara °C FRESH dan 'bruneihalalfoods'.

Dengan adanya kerjasama rapat bersama JD.com dan syarikat perusahaan China lainnya, ia akan membolehkan Pure Fresh dan Ghanim International Corporation meneroka usahasama yang lebih berpotensi ke arah perkembangan industri-industri makanan laut di kedua-dua negara.

Bantu kembangkan syiar Islam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Sebagai usaha menyokong peranan masjid untuk meningkatkan dan mengembangkan syiar Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) memberi sumbangan kewangan kepada sebahagian masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bagi aktiviti takmir masjid, surau dan balai ibadat.

Sebanyak 51 buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara pada hari ini menerima sumbangan daripada YSHHB bagi mengadakan majlis dan aktiviti takmir khususnya bagi sepanjang bulan Ramadan yang akan

datang.

Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Sumbangan tersebut telah diserahkan kepada imam-imam dan pegawai-pegawai masjid berkenaan pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks YSHHB.

Turut hadir ialah Penolong-penolong Pengarah Urusan YSHHB, pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berkenaan serta pegawai-pegawai YSHHB.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny (kiri) ketika menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang imam.



Cari rezeki halal

baik seperti mencari rezeki dengan berbagai-bagai usaha daripada sumber-sumber yang halal.

Ingatlah, dalam mencari rezeki bagi memenuhi keperluan hidup seharian seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain sama ada untuk diri sendiri mahupun untuk orang yang berada di bawah tanggungan, rezeki tersebut hendaklah daripada sumber yang halal lagi baik supaya ia sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah itu baik. Allah tidak akan menerima sesuatu melainkan daripada yang halal. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada orang-orang mukmin seperti yang diperintahkan kepada para rasul."

Firmannya : "Wahai para Rasul! Makanlah makanan yang baik-baik (halal) dan kerjakanlah amal soleh. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. Dan Allah juga berfirman : Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah rezeki yang baik-baik yang telah Kami rezekikan kepadamu. Kemudian Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menceritakan tentang seorang laki-laki yang telah menempuh perjalanan jauh, sehingga rambutnya kusut masai dan berdebu. Orang itu mengangkat tangannya ke langit lalu berdoa : Wahai Tuhan ku, Wahai Tuhan ku.

Pada hal, makanannya daripada barang yang haram, minumannya daripada yang haram, pakaiannya daripada yang haram dan diberi makanan daripada yang haram, maka bagaimanakah Allah akan memperkenankan doanya?"

Kita hendaklah memastikan bahawa rezeki yang diperoleh itu betul-betul halal dan cara mendapatkan rezeki itu juga hendaklah dengan cara yang baik iaitu berlandaskan hukum-hukum syarak, mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Jauhilah perbuatan menipu, berlaku zalim, menindas, merampas, berlaku

khianat, riba, rasuah dan sebagainya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Maksudnya : "Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu telah berkata ia : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Akan ada suatu zaman pada umat manusia yang seseorang itu tidak lagi mempedulikan apa yang diambilnya (rezeki yang diterima olehnya) apakah daripada yang halal atau daripada yang haram."

Ingatlah, setiap rezeki yang kita peroleh daripada jalan yang salah atau subhah iaitu yang diragui kehalalannya boleh memberi kesan yang tidak baik, sama ada kepada diri kita sendiri mahupun keluarga.

Dalam kita mencari rezeki yang halal lagi baik, kita hendaklah juga mementingkan aspek keselamatan diri semasa bekerja dan tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain. Daripada Abu Sa'id Al-Hudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Ibnu Maajah.

Maksudnya : "Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain."

Sesungguhnya agama Islam amat menitikberatkan umatnya agar tidak melakukan perbuatan yang memudaratkan kepada diri sendiri dan juga menyebabkan kemudaratkan terhadap orang lain. Begitu juga dalam pekerjaan seharian, kita hendaklah sentiasa bekerja dengan cara yang selamat dan sihat. Berdasarkan statistik kemalangan industri pembinaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, pada tahun 2017 terdapat 104 kes kemalangan di tapak pembinaan telah direkodkan seperti terjatuh dari tempat yang tinggi, tertimpa benda atau jentera berat, terkena mesin atau peralatan kerja dan seumpamanya. Daripada jumlah tersebut sebanyak tujuh kes telah menyebabkan kematian kepada pekerja manakala selebihnya adalah cedera parah dan cedera ringan. Manakala pada tahun 2018, terdapat empat kes kematian pekerja di tapak pembinaan yang disebabkan jatuh dari tempat yang tinggi semasa bekerja.

Sebagai ketua atau majikan hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan bertanggungjawab kepada pekerja-pekerjanya seperti berikut :

Pertama : Memastikan dan mengutamakan aspek keselamatan, kesihatan dan kebajikan kepada semua pekerjaannya di tempat kerja.

Kedua : Majikan hendaklah mengambil peduli serta memastikan langkah-langkah yang selamat bagi mengelakkan bahaya kepada pekerjaannya dan juga orang awam.

Ketiga : Majikan hendaklah menyediakan dan menyelenggara persekitaran tempat kerja agar selamat dan tiada risiko kepada kesihatan pekerja.

Keempat : Majikan hendaklah memastikan langkah-langkah keselamatan telah diambil bagi penggunaan mesin-mesin, peralatan, jentera serta apa juga proses kerja yang dibuat oleh pekerja.

Kelima : Setiap majikan hendaklah menyediakan arahan yang cukup, maklumat-maklumat, latihan serta pengawasan kerja yang sepatutnya dalam apa jua pekerjaan yang dibuat oleh pekerja. Sebagai pekerja pula hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dengan mematuhi perintah dan peraturan yang telah ditetapkan dengan menggunakan apa jua alat perlindungan diri dan peralatan keselamatan semasa bekerja.

Akhirnya, sama-samalah kita meningkatkan usaha dengan sentiasa mengikuti langkah-langkah keselamatan dan berwaspada dalam melakukan pekerjaan seharian. Budayakanlah cara bekerja yang selamat dan sihat. Marilah kita berdoa semoga apa jua usaha dan pekerjaan yang kita lakukan adalah daripada hasil pendapatan rezeki yang halal lagi baik. Mudah-mudahan dengan demikian kita akan mendapat keredaan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin Ya Raabal Alamin.

Firman Allah dalam Surah An-Nahl, ayat 114 :

Tafsirnya : "Maka makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu (wahai orang-orang yang beriman) dan syukurilah nikmat Allah itu jika benar kamu hanya beribadat kepada-Nya."

Hubungan pertahanan Brunei - Jordan memuaskan



PEMERINTAH ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud ketika menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Perancangan dan Organisasi, Angkatan Bersenjata Jordan, Brigedier Jeneral Abdallah Hasan Abdallah Al-Huneiti.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pertahanan

BOLKIAH GARISON, Rabu, 24 April. - Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Angkatan Tentera Bersenjata, Kerajaan Hasyimiah Jordan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama kali yang

pertama di Mess Pegawai, Bolkiah Garrison, Kementerian Pertahanan, di sini.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Pengarah Dasar Pertahanan, Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud; dan

Pengarah Perancangan dan Organisasi, Angkatan Bersenjata Jordan, Brigedier Jeneral Abdallah Hasan Abdallah Al-Huneiti.

Semasa mesyuarat tersebut, kedua-dua pihak mengesahkan hubungan pertahanan yang rapat di antara kedua-dua negara.

Mesyuarat antara lain membincangkan penerokaan ke atas bidang kerjasama pertahanan seperti pertukaran lawatan, latihan dan kursus, latihan ketenteraan, di samping kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu sekuriti serantau kepentingan bersama.

Brigedier Jeneral Abdallah juga membuat kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Pemerintah ABDB menyatakan rasa puas hati dengan hubungan pertahanan di antara ABDB dan Angkatan Bersenjata Jordan yang sedang meningkat positif.

Kedua-dua belah pihak juga menyatakan hasrat untuk meneruskan interaksi, latihan dan lawatan dua hala bagi meningkatkan hubungan

ketenteraan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Hasyimiah Jordan.

Brigedier Jeneral Abdallah juga membuat kunjungan hormat kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah, di mana kedua-dua

pihak menggariskan kepentingan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama kali yang pertama itu.

Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Hasyimiah Jordan menjalin hubungan diplomatik pada 18 Februari 1985 dan menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Pertahanan pada 4 Oktober 2018.



PENGARAH Perancangan dan Organisasi, Angkatan Bersenjata Jordan, Brigedier Jeneral Abdallah Hasan Abdallah Al-Huneiti membuat kunjungan muhibah kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Karnival Memperkasa Budaya Membaca dilancarkan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyaksikan secara lebih dekat Perpustakaan Bergerak (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pelajar yang memenangi Peraduan Melukis Poster.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Karnival Memperkasa Budaya Membaca (KMBM) dapat memupuk budaya membaca dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat secara tidak formal melalui pelbagai medium yang boleh dilaksanakan di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di seluruh negara.

Di samping itu, KMBM dihasrat agar dapat meningkatkan penggunaan perpustakaan dari segi perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Berlangsung di Perpustakaan DBP di sini, karnival dirasmikan

oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Ketika berucap, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab berkata, Bahagian Perpustakaan menyediakan pelbagai kegiatan sebagai satu usaha untuk membarigakan dan mendidik orang ramai mengenai tatacara pencarian bahan, mengenalkan perkhidmatan rujukan, memberikan pendedahan kepada literasi maklumat dan kempen pendaftaran keahlian perpustakaan

juga pendidikan literasi awal untuk kanak-kanak di bawah umur lima tahun.

Katanya lagi, pelbagai kegiatan disusun atur seperti ceramah tentang penyakit kanser, bimbingan motivasi belia untuk pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan, bengkel pustakawan dan seni khat Jawi, demonstrasi permainan tradisional, klinik membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan jualan daripada toko-toko buku.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyempurnakan Perasmian Taman Bacaan Perpustakaan di

Balai Pameran, perpustakaan berkenaan dan seterusnya menyempurnakan Penyampaian Hadiah Kerajinan Membaca kepada Ahli-ahli Perpustakaan DBP yang aktif.

Pada masa yang sama, lintas langsung Majlis Perasmian KMBM dari beberapa Perpustakaan DBP di negara ini disiarkan, antaranya Perpustakaan DBP Tutong dan Perpustakaan DBP Kampung Pandan yang dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) selaku tetamu kehormat; manakala di Perpustakaan DBP Temburong dihadiri oleh Timbalan

Setiausaha Tetap KKBS selaku tetamu kehormat.

KMBM merupakan salah satu acara tahunan DBP sebagai usaha untuk menyemai minat membaca dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Bagi menjayakan KMBM kali ini, karnival tersebut turut disertai oleh sebanyak lapan penyertaan daripada jabatan-jabatan kerajaan, 18 buah institusi swasta, orang-orang perseorangan dan pihak NGO, di samping pihak DBP juga berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, pihak-pihak swasta, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Persatuan Perpustakaan Brunei dan para usahawan belia.

Pada tahun ini, KMBM di Daerah Brunei dan Muara diadakan di Perpustakaan DBP, Bandar Seri Begawan pada 23 - 25 April; di Daerah Tutong di Perpustakaan DBP Tutong pada 23 - 25 April; di Daerah Temburong di Perpustakaan DBP Temburong pada 24 April; dan di Daerah Belait pula di Perpustakaan DBP Kampung Pandan pada 24 April; Perpustakaan DBP Kuala Belait pada 24 April; dan Perpustakaan DBP Seria pada 25 April.

Juga hadir, Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, Penghulu Mukim Berakas 'B'; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga Pegawai-pegawai Kanan KKBS dan DBP.

Tingkatkan penggunaan perpustakaan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (bertudung hijau) hadir pada Karnival Memperkasa Budaya Membaca di Perpustakaan DBP Daerah Tutong.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman,
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Rabu, 24 April. - Karnival Memperkasa Budaya Membaca yang diadakan serentak di keempat-empat daerah merupakan acara tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam usaha untuk menyemai minat membaca dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Bagi Daerah Tutong, karnival diadakan di Perpustakaan DBP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil yang juga menyempurnakan Penyampaian Hadiah Kerajinan Membaca kepada Murid-murid Terpilih.

Atur cara diisikan dengan membaca buku selama 15 minit beramai-ramai bagi memupuk

minat dan budaya membaca, diikuti dengan lintas langsung Facebook (Facebook Live) bagi Majlis Perasmian KMBM yang disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin di Perpustakaan DBP, Bandar Seri Begawan.

Acara dimeriahkan dengan persembahan bacaan berirama oleh murid-murid daripada Pertama School Tutong.

Sementara itu, di Daerah Belait, karnival tertumpu di Perpustakaan Pusat Masyarakat Bestari Kampung Pandan dengan pelbagai kegiatan seperti pameran, aktiviti yang bermanfaat dan jualan, di samping Penyampaian Hadiah Penghargaan sebagai pengiktirafan dan galakan kepada Ahli-ahli Perpustakaan DBP yang Aktif.

Hadir menyampaikan sijil-sijil penghargaan dan hadiah kepada penerima, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Para penerima terdiri daripada Ahli-ahli Kerajinan Membaca Kategori Dewasa, Muda Mudi dan Kanak-Kanak juga Pengunjung Setia perpustakaan-perpustakaan, termasuk Perpustakaan Bergerak di Daerah Belait.

Manakala di Daerah Temburong,

karnival diadakan di Perpustakaan DBP Temburong, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said yang juga menyempurnakan Penyampaian Hadiah Kerajinan Membaca kepada Ahli-ahli Perpustakaan yang Terpilih.

Karnival seumpama itu diadakan untuk memupuk minat dan budaya membaca tanpa mengira usia,

menerapkan aktiviti membaca, meningkatkan penggunaan perpustakaan dari segi perkhidmatan dan kemudahan.

Selain itu, karnival juga adalah untuk mendekatkan orang ramai dengan perpustakaan dan menjadikannya sebagai pusat untuk melakukan pelbagai kegiatan bermanfaat dengan penglibatan daripada sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan juga swasta yang hadir pada majlis tersebut.



SETIAUSAHA Tetap KKBS, Pengiran Haji Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada seorang penerima Kerajinan Membaca Kategori Kanak-Kanak pada majlis Karnival Memperkasa Budaya Membaca di Perpustakaan Pusat Masyarakat Bestari Kampung Pandan, Daerah Belait.



MENTERI Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin ketika berucap di majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan terus mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman juga

Belia syumul seimbang duniawi, ukhrawi

kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam usaha pembangunan dan wasilah tarbiah belia juga masyarakat dengan mempraktikkan Pendekatan Keseluruhan Negara.

Ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah-titah baginda yang menekankan perlunya belia untuk celik dan berakhlak Al-Quran.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440 Hijrah / 2019 Masihi Peringkat Akhir, bertempat di Dewan Digadong, KKBS, di sini.

Tambah Yang Berhormat,

di sinilah kepentingan golongan belia untuk mempersiapkan diri dan mendalami ilmu Al-Quran, demi memartabatkan kesucian agama Islam juga memastikan maruah bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini dipertahankan sebagai sebuah Negara Zikir, iaitu negara Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur yang berpaksikan kepada ajaran agama Islam yang suci.

"Jadikanlah Al-Quran sebagai pedoman, dan lihatlah kepada tokoh-tokoh belia dalam sejarah Islam, khususnya di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai teladan dalam mengharungi kehidupan seharian kita," saran Yang Berhormat.

Terdahulu itu, Yang Berhormat melahirkan rasa bangga terhadap para belia yang menyertai musabaqah tersebut kerana mereka benar-benar mencerminkan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sama sekali tidak akan membiarkan setiap generasi yang ada jauh daripada agama, tetapi akan terus konsisten menanam nilai-nilai Islam ke dalam kehidupan mereka.

Menurut Yang Berhormat lagi, musabaqah tersebut bermatlamat bukan sahaja untuk bertanding semata-mata, malah ia dilihat sebagai salah satu usaha untuk menyebarkan 'wasilah' Tarbiah Islam dalam kalangan belia-belia.

Ia akan menjadi pemangkin bagi menggalakkan belia untuk mendekatkan diri dengan Al-Quran Al-Karim, seterusnya memupuk keperibadian dan akhlak Al-Quran dalam diri mereka.

"Pada masa yang sama, kita menyedari bahawa dalam zaman yang serba canggih ini, belia kita sering terdedah kepada pelbagai hambatan dan pengaruh yang sebahagiannya baik mahupun

sebaliknya. InsyaaAllah, dengan pegangan yang kukuh dan penghayatan ilmu Al-Quran dan Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, belia kita tidak akan mudah terbawa dengan unsur-unsur yang kurang baik," ujarnya lagi.

Oleh yang demikian katanya, program-program pembangunan belia hendaklah sentiasa menitik-beratkan keseimbangan di antara amalan duniawi dan ukhrawi dalam membentuk belia yang syumul, bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malah mempunyai kekuatan iman juga pendirian teguh.

Sebagai bakal pewaris kepimpinan masa depan tegasnya, ciri-ciri inilah yang mesti ada dan ditamai oleh belia kita agar mereka mempunyai jati diri yang teguh dengan kepimpinan yang bijaksana dan sentiasa berwawasan, berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Awang Abdull Muin, Dayangku Siti Ummi Syazana muncul johan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan hadiah kepada Abdull Muin bin Haji Abdul Hamid dan Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Marjuki, johan bagi Kategori Qari pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440 Hijrah / 2019 Masihi Peringkat Akhir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Awang Abdull Muin bin Haji Abdul Hamid dan Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Marjuki masing-masing muncul johan qari dan johan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440 Hijrah / 2019 Masihi Peringkat Akhir.

Pada pertandingan yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini, johan qari dan qariah membawa pulang piala pusingan, piala iringan, wang tunai BND2,000 dan sijil penyertaan.

Sementara naib johan qari dan qariah masing-masing dijuarai oleh Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili dan Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri dengan menerima hadiah piala

iringan, wang tunai BND1,500 dan sijil penyertaan.

Di tempat ketiga qari dan qariah pula jatuh kepada Awang Abdul Qawiyeel Azeez bin Haji Abd. Rajid dan Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri, masing-masing membawa pulang piala iringan, wang tunai BND1,000 dan sijil penyertaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara;



Setiausaha-setiausaha Tetap KKBS dan Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan pegawai-pegawai kanan KKBS.

Pertandingan tahun ini menunjukkan peningkatan penyertaan sebanyak 22 peratus, di mana seramai 105 peserta belia

qari dan qariah dari seluruh negara menyertai pertandingan tahun ini berbanding 86 peserta pada tahun lalu.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan merupakan program anjuran KKBS yang mula dilaksanakan sejak tahun 1980-an

dan berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber, seterusnya mampu bersaing di peringkat lebih tinggi.

Di samping itu, musabaqah juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan juga prestasi masing-masing, khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau taranum.

Selain untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah negara, musabaqah juga diadakan untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran dalam kalangan belia dan memupuk juga menyemai rasa persahabatan dalam kalangan peserta belia melalui program keagamaan, di samping sebagai persediaan pemilihan wakil negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

Majlis Khatam sempena Hari Kebangsaan



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) petang ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam yang Ke-35 di Surau Ad-Difa.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji

Ma'awiah.

Turut hadir, ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota tentera dari Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis dimulakan dengan pembacaan surah Al-Fatihah, diikuti bacaan surah Ad-Dhuha sehingga surah An-Naas dan diakhiri dengan sembahyang Fardu Asar berjemaah.



DAYANGKU Siti Ummi Syazana binti Pengiran Marjuki, Johan bagi Qariah pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440 Hijrah / 2019 Masihi Peringkat Akhir.

IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM



MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 30/04/19 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN : 27 APRIL 2019

TARIKH TUTUP : 11 MEI 2019

1. PELUKIS TINGKAT II C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = SATU (01)	2. PEGAWAI PERKAMUSAN C.2 EB.3 BAHAGIAN III DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = SATU (01)	3. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT II C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = SATU (01)	4. JURUGAMBAR TINGKAT I D.3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = SATU (01)
5. PENJALAN JENTERA D.2 EB.3-4 BAHAGIAN IV JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KEKOSONGAN = SATU (01)	6. PEMBANTU PEGAWAI PERKAMUSAN D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = SATU (01)	7. PENJALAN JENTERA BERAT E.2-3 EB.4 BAHAGIAN V JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KEKOSONGAN = SATU (01)	

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 34/2019 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN : 27 APRIL 2019

TARIKH TUTUP : 18 MEI 2019

1. JURUUKUR KANAN B.3 BAHAGIAN II JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN = DUA (02)	2. PENGUASA B.2 BAHAGIAN II JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN = SATU (01)
--	--

PERATURAN 38(B)

BILANGAN IKLAN 35/2019(SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian/ Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

TARIKH IKLAN : 27 APRIL 2019

TARIKH TUTUP : 25 MEI 2019

1. PENGAJAR TEKNIK KANAN (STI) G.11 BAHAGIAN II JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = SATU (01)
--

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

PERKHIDMATAN BAGI
PENGAMBILAN DAN
PENGHANTARAN AKHBAR
RASMI KERAJAAN PELITA
BRUNEI KE DAERAH
TUTONG DAN BELAIT
UNTUK
TEMPOH SATU TAHUN
(12 BULAN) KONTRAK

Bilangan Rujukan :
INFO / PK / K / 7 / 2018

Caj Borang Tawaran :
BND5.00 setiap satu
(tidak dikembalikan)

Syarat-syarat tawaran :

1. TAWARAN-tawaran adalah dibukakan kepada syarikat-syarikat swasta dan orang-orang persendirian.
2. Pembayaran dan borang-borang tawaran sebut harga bagi pengambilan dokumen boleh diperoleh di Unit Sokongan, Tingkat Bawah, Bangunan Asal, Jabatan Penerangan.
3. Syarikat-syarikat swasta dan

orang-orang persendirian yang berminat hendak menggunakan borang sebut harga yang telah disediakan dengan harga BND5.00 (Lima Ringgit Brunei sahaja) tidak dikembalikan.

4. Tarikh tutup tawaran adalah pada **Rabu, 8 Mei 2019, jam 8.30 Pagi** dan dialamatkan kepada :

PETI SEBUT HARGA
JABATAN PENERANGAN
LAPANGAN TERBANG
LAMA
BERAKAS, BB3510
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

5. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapi, dengan menyatakan Tajuk Tawaran dan pada bilangan atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pemborong.
6. Maklumat dan syarat-syarat lain bolehlah dirujuk dalam borang tawaran sebut harga.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JABATAN
PERTUBUHAN-
PERTUBUHAN
ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG
DI ORGANISATION FOR
THE PROHIBITION OF
CHEMICAL WEAPONS
(OPCW)

Jawatan :
1) Senior Chemical
Demilitarisation Officer (P-4),
Verification Division
Tarikh tutup :
29 April 2019

2) Project Manager (P-5),
Chemtech Centre
Verification Division

Tarikh tutup :
9 Mei 2019

3) Technical Support Officer
(P-3) Inspectorate Division

Tarikh tutup :
7 Jun 2019

UNTUK makluman,
permohonan hendaklah dihadapkan
secara online melalui laman web
www.opcw.org.



JABATAN DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 24 / 2019

TAWARAN
DESLUDGING OF SEPTIC TANK
AND UNBLOCKING OF MANHOLES
AND GULLY TRAP, FOR ALL ZONE 1
GERAI
FOR THE PERIOD OF ONE (1) YEAR

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 25 / 2019

TAWARAN
DESLUDGING OF SEPTIC TANK
AND UNBLOCKING OF MANHOLES
AND GULLY TRAP, FOR ALL ZONE 2
GERAI
FOR THE PERIOD OF ONE (1) YEAR

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 26 / 2019

TAWARAN
DESLUDGING OF SEPTIC TANK
AND UNBLOCKING OF MANHOLES
AND GULLY TRAP, FOR ALL ZONE 2
DEWAN
FOR THE PERIOD OF ONE (1) YEAR

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 27 / 2019

TAWARAN
PEMELIHARAAN HAWA DINGIN
BAGI TEMPOH SATU TAHUN
BERTEMPAT
DEWAN MUHIBBAH,
JABATAN DAERAH BRUNEI DAN
MUARA,
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 28 / 2019

TAWARAN
PEMELIHARAAN HAWA DINGIN
BAGI TEMPOH SATU TAHUN
BERTEMPAT DEWAN-DEWAN
KEMASYARAKATAN BAGI ZON 1
DAN 2, JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 29 / 2019

TAWARAN
PEMELIHARAAN HAWA DINGIN
BAGI TEMPOH SATU TAHUN

BERTEMPAT DEWAN-DEWAN
KEMASYARAKATAN BAGI ZON 3
DAN 4, JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 30 / 2019

TAWARAN
MEMBEKAL DAN MEMASANG
KAWALAN TIKUS BAGI TEMPOH
SATU TAHUN BERTEMPAT
BANGUNAN LAMA DAN BARU
JABATAN DAERAH BRUNEI DAN
MUARA SERTA DEWAN
MUHIBBAH, LAPANGAN TERBANG
LAMA BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 31 / 2019

TAWARAN
MEMBEKAL DAN MEMASANG
KAWALAN TIKUS BAGI TEMPOH
SATU TAHUN BERTEMPAT
CAWANGAN BENGKEL, JABATAN
DAERAH BRUNEI DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada Pemborong - Pemborong yang berkebolehan dan mempunyai Sijil Pendaftaran yang sah terutama kod kerja KA01 / B01 / S02 dan Sijil A Pendaftaran Kementerian Pembangunan Kelas II.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh di Bahagian Kewangan, Tingkat 1 Bangunan Baru Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran BND10.00 (Sepuluh Ringgit Sahaja) secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan)

3. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim diluar sampul surat itu kecuali ditulis dengan nama projek.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti dibawah :

Peti Tawaran
Bahagian Kewangan Tingkat 1, Bangunan Baru
Jabatan Daerah Brunei Dan Muara,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat Selasa 30 April 2019, jam 2.00 Petang

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran samada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

CALON-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

JAWATAN :
PENOLONG PENDAFTAR
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
BAHAGIAN :
II
TANGGAGAJI :
UB.1 EB.2
(\$2,630 - \$3,760
EB KHAS \$3,880 - \$3,880 - \$4,240
SEBULAN)
KEKOSONGAN :
SATU (01)

Syarat-Syarat Kelayakan :

a. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politeknik Negara Brunei Darussalam.

b. i. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang yang bersesuaian serta diiktirafkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

ii. Sedang berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi tempatan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggungaji B.2 atau yang sebanding selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii. Sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggungaji C.3 atau yang sebanding selama tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

c. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik. Berkemampuan bertutur dan menulis dalam Bahasa Arab dengan baik adalah sebagai satu kelebihan.

d. Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah juga memohon melalui online. Salinan *hardcopy* borang permohonan juga hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan masing-masing yang mana Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan tersebut berserta dengan satu **SOKONGAN**

LAPORAN SULIT mengenai pemohon, laporan **PRESTASI TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN** dan **SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG LENGKAP** dan **TERKINI**.

Tugas Dan Tanggungjawab :

Bertanggungjawab dalam membantu Pendaftar dalam kerja-kerja yang berhubungkait dengan Pentadbiran Am dan Pentadbiran Akademik Universiti.

Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pendaftar dan pegawai-pegawai atasan Universiti dari masa ke semasa.

Syarat-Syarat Lain :

1. Mempunyai perwatakan yang baik dan dapat memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugas dan tanggungjawab serta dapat menjalankan tugas-tugas dengan penyeliaan yang minima.

2. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenaraipendek akan dipanggil untuk menjalani sesi temuduga.

3. Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

4. Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing yang mana Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan tersebut berserta dengan satu sokongan laporan sulit mengenai pemohon, laporan penilaian prestasi bagi tiga tahun kebelakangan dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap dan terkini.

Tatacara Permohonan:

Borang permohonan - Form P1 (Borang P1) bolehlah, didapati dan diisi melalui online di laman sesawang: <http://www.unissa.edu.bn/job-application/form-p1/>. Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online, pemohon akan diberikan Application Reference No. (ARN) dan pemohon dikehendaki untuk menghantar emel ARN tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6732462000 ext 184 semasa waktu pejabat atau emel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Peringatan: **Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.**

Tarikh Buka Permohonan :

Isnin, 22 April 2019

Tarikh Tutup Permohonan :

Selasa, 7 Mei 2019

Rujukan Iklan :

UNISSA / IJK / PP / 004 / 2019



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

1. KERANI
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
D.1-2-3 EB.4-5
(BND530 - BND1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN :
TIGA (3)

Kelayakan minimum :

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata Pelajaran Bahasa Melayu.

ATAU

b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Pejabat (Pelayan) dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Bagi calon di para 1.b) :

a. Telah lulus Peperiksaan Kerani Rendah bagi penetapan jawatan.

b. Sekurang-kurangnya telah mengikuti kursus-kursus Induksi dan Profesional bagi Pembantu Pejabat yang dikendalikan Institut Perkhidmatan Awam.

3. Berkebolehan dalam menggunakan komputer adalah kelebihan.

Tugas dan Tanggungjawab Kerani :

1. Menaip persuratan termasuk penyemakan (Proof Reading), sistem failing dan susulan.

2. Tertakluk kepada fungsi Jabatan / Bahagian / Unit, tanggungjawab juga termasuk pengurusan kewangan, memproses permohonan dan pentadbiran Pejabat.

3. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang disenaraikan oleh Kementerian / Jabatan di dalam huraian tugas (Job Description).

4. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan pegawai atasan

dari semasa ke semasa.

Tatacara Permohonan:

Borang permohonan - Form P1 (Borang P1) bolehlah, didapati dan diisi melalui *online* di laman sesawang: <http://www.unissa.edu.bn/jobapplication/form-p1/>

Syarat-Syarat Lain :

i. Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

ii. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenaraipendek sahaja akan dipanggil untuk menjalani sesi temuduga.

iii. **Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia** hendaklah juga memohon melalui *online*. Salinan *hardcopy* borang permohonan juga hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan masing-masing yang mana Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan tersebut berserta dengan satu **SOKONGAN LAPORAN SULIT** mengenai pemohon, laporan **PRESTASI TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN** dan **SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG LENGKAP** dan **TERKINI**.

Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui *online*, pemohon akan diberikan Application Reference No. (ARN) dan pemohon dikehendaki untuk mengemil ARN tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6732462000 ext 184 atau emel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan :

Isnin, 22 April 2019

Tarikh Tutup Permohonan :

Selasa, 7 Mei 2019

Rujukan Iklan :

UNISSA / IJK / KER / 005 / 2019



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali mem-pelawa pemohon-pemohon tempatan yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan-jawatan akademik seperti berikut :

JAWATAN :
PENOLONG PENSYARAH
TANGGAGAJI :
PT1 (\$2905-\$3000-\$3095-\$3190)
sebulan
BIDANG :
EKONOMI
KOD JAWATAN :
UNISSA / AKA / LOC / 001 / 2019

Syarat-syarat kelayakan :

a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Mempunyai pengetahuan tentang

kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

BAGI TANGGAGAJI PT1

c. i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) dan terkemuka sebagai kelebihan.

ii. Benar-benar mempunyai minat untuk mengajar dan membuat penyelidikan.

iii. Berumur tidak melebihi 30 tahun adalah satu kelebihan.

Kemudahan Elaun Dan Tatacara Permohonan :

ELAUN AKADEMIK :
Penolong Pensyarah - \$150.00 sebulan

Tatacara permohonan :

Borang permohonan - Form P2 (Borang P2) bolehlah, didapati dan diisi melalui *online* di laman sesawang: <http://www.unissa.edu.bn/jobapplication/form-p2/> Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui *online*, pemohon akan diberikan Application Reference No. (ARN) dan pemohon dikehendaki untuk mengemil ARN tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn

Syarat-Syarat Lain :

i. Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

ii. Hanya pemohon-pemohon yang

memenuhi syarat-syarat dan yang disenaraipendek sahaja akan dipanggil untuk menjalani sesi temuduga.

iii. **Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia** hendaklah juga memohon melalui *online*. Salinan *hardcopy* borang permohonan juga hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan masing-masing yang mana Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan tersebut berserta dengan satu **SOKONGAN LAPORAN SULIT** mengenai pemohon, laporan **PRESTASI TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN** dan **SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG LENGKAP** dan **TERKINI**.

Tarikh tutup permohonan melalui *online* adalah pada **7 Mei 2019**. Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6732462000 ext 184 atau emel kepada recruitment@unissa.edu.bn



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 003 / 2019

KETERANGAN :
PEMBAIKAN SISTEM ALAT DINGIN
BAGI SEMUA TRANE CHILLER
BANGUNAN CHANCELLOR HALL,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**BAYARAN DOKUMEN
DAN PENTADBIRAN :**
BND50.00 (tidak dikembalikan)

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 004 / 2019

KETERANGAN :
PEMBAIKAN SISTEM ALAT HAWA

DINGIN BAGI CARRIER
RAICOOLED SCREW CHILLER
NO 1 DAN 3 DI BANGUNAN
UNIVERSITI TECHNOLOGY HUB,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**BAYARAN DOKUMEN
DAN PENTADBIRAN :**
BND30.00 (tidak dikembalikan)

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 005 / 2019

KETERANGAN :
PEMBAIKAN SISTEM ALAT HAWA
DINGIN BAGI YORK CHILLER
NO 1 DAN 3 DI INSTITUTE OF
LEADERSHIP, INNOVATION

& ADVANCEMENT
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**BAYARAN DOKUMEN
DAN PENTADBIRAN :**
BND30.00 (tidak dikembalikan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran & Sebut Harga, Bangunan Pentadbiran Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, BE1410, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam **2.00 Petang** pada **SELASA, 30 APRIL 2019.**

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan

serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KAUNTER PENYAMBUK TETAMU
PINTU UTAMA
LANTAI BAWAH
DI ANTARA BLOK 'B' DAN 'C'
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JALAN LAPANGAN TERBANG
LAMA BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh dari Universiti Brunei Darussalam. Lain-lain perkhidmatan boleh didapati di <http://www.ubd.edu.bn>.

JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

JUALAN LELONG TERTUTUP

**UNIT PENGHAPUSAN DARI
KIRA-KIRA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN.**

ADALAH dengan ini dimaklumkan dan diberi notis jualan lelong secara sebut harga bagi harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi dibukakan kepada **Pengendali Syarikat-syarikat yang khusus mengendalikan barang kitar semula** yang berminat untuk membeli seperti barang-barang berikut :

JENIS PERKAKAS / PERALATAN /
PERABOT

- 338 buah buku-buku perpustakaan
Tempat / Kepunyaan :
Maktab Duli Pg. Muda Al-Muhtadee Billah
Gadong
- 642 buah buku-buku perpustakaan
Tempat / Kepunyaan :
Unit Pendidikan Khas
- 1,651 buah buku-buku teks
Tempat / Kepunyaan :
Sekolah Menengah Sufri Bolkih Tutong
- 985 buah buku-buku teks
- 82 buah buku-buku perpustakaan
Tempat / Kepunyaan :
Sekolah Rendah Pg. Muda Mahkota Tutong
- 13, 689 buah buku-buku perpustakaan
Tempat / Kepunyaan :
Maktab Anthony Abell Seria

Borang sebut harga boleh didapati seperti di alamat-alamat berikut :

**1. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira
Blok 2J6 : 03-04, Tingkat 6
Kondominium Ong Sum Ping
Kementerian Pendidikan
Talian Telefon : +673 2230113
(Brunei / Muara)**

**2. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira
Bekas Berek Lama
Sekolah Menengah Sufri Bolkih
Tutong, TA1341
Talian Telefon : +673 4260312**

**3. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira
Rumah Kediaman Brunei Shell
Simpang 24-29, Jalan Maulana
Kuala Belait, KD145
Talian Telefon : +673 3347423**

**4. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira
Bekas Asrama Jalan Masjid
Jabatan Sekolah-Sekolah, Temburong.
Talian Telefon : +673 5222171 /
+6735222172**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Borang tawaran yang sudah lengkap diisikan hendaklah dihantar pada waktu dan masa seperti yang dinyatakan di bawah ini :
Isnin hingga Khamis dan Sabtu
Jam : 8.15 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 4.00 Petang

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat dan ditulis dengan terang : **TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga seperti yang beralamat dinyatakan di bawah ini :

**UNIT PENGHAPUSAN
DARI KIRA-KIRA
BLOK 2J6:03-04, TINGKAT 6
KONDOMINIUM ONG SUM PING
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam) setelah berjaya menerima surat makluman dan jika gagal berbuat demikian adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan lelong tersebut.

4. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari setelah menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dan barang-barang tersebut akan dilelong semula atau dimusnahkan.

5. Untuk keterangan lanjut syarikat-syarikat dan orang ramai yang berminat boleh berhubung terus atau membuat pertanyaan kepada **Ketua-ketua Jabatan, Pengetua-pengetua, Guru-guru Besar yang berkenaan bagi mengetahui jenis-jenis barang yang ditawarkan atau Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pendidikan, talian telefon : +673 2230113.**

6. Yuran tawaran BND10.00 bagi setiap lot (tidak akan dikembalikan).

Tarikh tutup tawaran pada :

4 Mei 2019, Sabtu, jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebutharga :
KKW / B.KW / 69

Tajuk Sebutharga :
**Pembekalan Jamuan-Jamuan Mesyuarat
Di Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Bagi Tempoh 11 bulan (Mei 2019 - Mac 2020)**

Syarat-syarat sebut harga :

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh daripada **Unit Perkhidmatan Kewangan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Tingkat 15, Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan** semasa waktu-waktu bekerja dan akan dikenakan yuran dokumen sebanyak **BND5.00 / Salinan.**

3. Sebut harga-sebut harga hendaklah ditujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama sebutharga tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:

**Peti Sebut Harga
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Tingkat 15
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

4. Sebut harga hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 12.00 Tengah Hari, Sabtu, 11 Mei 2019.** Semua Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebut harga yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERIPEMBATALAN IKLAN
SEBUT HARGA

Bilangan Tawaran :
PJB / TAWARAN / 03 / 2019

Tajuk Tawaran :
**TAWARAN BAGI KERJA-KERJA
PEMBERSIHAN DAN
PEMOTONGAN RUMPUT DI IBU
PEJABAT, JABATAN BURUH
(3 TAHUN), JALAN DEWAN MAJLIS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Tarikh tutup :
9 April 2019

DIMAKLUMKAN bahawa iklan tawaran dari Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertajuk di atas adalah **DIBATALKAN.**

Mana-mana syarikat yang telah membeli dokumen tender di Jabatan Buruh adalah dikehendaki untuk menghubungi pegawai-pegawai seperti yang tersenarai bagi urusan *refund* yuran dokumen tender.

1) Pegawai Kewangan, Dayang Asiah binti Ibrahim di talian 2383006 Ext 2302

2) Penyelia Pejabat, Awang Azrin bin Haji Salleh di talian 2383006 Ext 5110.

SIGA perkenalkan budaya Brunei

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

GADONG, Jumaat, 26 April. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Perhimpunan Agung Antarabangsa Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP International General Assembly - SIGA) Ke-31.

Pelancaran perhimpunan itu disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat di Majlis Resepsi yang diadakan di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Perhimpunan Agung Antarabangsa Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP International General Assembly - SIGA) Ke-31.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

dalam ucapannya berkata, perhimpunan seperti SIGA ini memainkan peranan penting terutama dalam membincangkan topik berkaitan belia dan komuniti, di samping menyediakan peluang bagi alumni untuk menjalankan aktiviti bermanfaat bersama.

Menurut Yang Berhormat, sebagai salah satu agenda utama SIGA tahun ini, forum bertajuk 'Bridging the Gap' amat penting sebagai topik keusahawanan untuk memperkasakan individu, termasuk belia dan memastikan keterangkuman adalah salah satu keutamaan negara kita.

Terdahulu, Presiden SSEAYP International Brunei (BERSATU), Hajah Rosmawatiniah binti Haji Ibrahim dalam ucapannya mengalu-alukan kehadiran para peserta dan menjelaskan mengenai tema SIGA pada tahun ini.

Majlis disusuli dengan penyampaian Anugerah Antarabangsa SSEAYP di mana para peserta diiktiraf dan dianugerahkan atas usaha dan sumbangan mereka kepada

SSEAYP International.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah buat kali kedua bagi perhimpunan yang dijalankan selama tiga hari itu.

SIGA adalah mesyuarat tahunan SSEAYP bagi pihak-pihak berkepentingan terdiri daripada wakil-wakil kerajaan, alumni, keluarga-keluarga angkat, kakitangan pengurusan dan associates dari pelbagai program.

Pada tahun ini, seramai 105 peserta dari semua negara ASEAN dan Jepun menghadiri mesyuarat itu.

Bertemakan 'REUNITE REIGNITE', SIGA kali ke-31 ini direka untuk membantu peserta memahami budaya Brunei dan mengongsi semangat kerjasama antarabangsa serta persahabatan melalui penyertaan program.

SSEAYP adalah program pertukaran budaya tahunan dalam kalangan belia ASEAN dan Jepun bagi mempromosikan nama baik, persahabatan dan kesefahaman.

Brunei - Singapura kukuhkan kerjasama banteras rasuah



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammad (kiri) selaku Pengarah BMR, telah menghadiri Mesyuarat Tahunan Kerjasama Dua Hala Kali Pertama antara BMR Negara Brunei Darussalam dan Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB), Republik Singapura.

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 26 April. - Delegasi daripada Biro Mencegah Rasuah (BMR), Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C. A. Mohammad selaku Pengarah BMR, telah menghadiri Mesyuarat Tahunan Kerjasama Dua Hala Kali Pertama antara BMR Negara Brunei

Darussalam dan Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB), Republik Singapura.

Mesyuarat yang berlangsung di Pejabat CPIB di sini dipengerusikan bersama oleh Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammad dan Pengarah CPIB, republik tersebut, Tuan Denis Tang.

Mesyuarat bertujuan untuk memperkukuhkan lagi usaha-usaha bersepadu menentang

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Mencegah Rasuah

rasuah, di samping meningkatkan lagi pembangunan kapasiti dalam mencegah dan membanteras rasuah.

Pada mesyuarat tersebut, kedua buah agensi pencegahan rasuah telah membincangkan dan mengongsi pengalaman, amalan baik mengenai metodologi yang efektif dalam pembanteras rasuah serta strategi pencegahan rasuah.

Kedua buah agensi seterusnya mengulangi komitmen untuk meningkatkan usaha membanteras rasuah melalui penglibatan dan kerjasama bersepadu selaras dengan Artikel 48 di bawah - Kerjasama Agensi Penguatkuasa, Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menentang Rasuah atau United Nations Convention against Corruption (UNCAC) yang menggalakkan kepentingan bagi negara-negara ahli untuk bekerjasama rapat, sejajar dengan undang-undang dan pentadbiran negara masing-masing dalam memantapkan lagi penguatkuasaan dalam membanteras jenayah di bawah konvensyen berkenaan.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Terokai kerjasama dua hala pelbagai bidang

menjalinkan hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang berkepentingan bersama dan menyaksikan pertukaran aktif antara rakyat kedua-dua buah negara.

"Kerjasama yang bernilai antara kedua-dua buah negara termasuk penglibatan dan kerja keras rakyat Republik Rakyat Bangladesh dalam pelbagai bidang dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam termasuk kesihatan, pendidikan dan sektor pembinaan. Beta dan kerajaan beta amat menghargai sumbangan mereka," titah baginda pada Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Bangladesh tersebut di Istana Nurul Iman.

Perkara ini dikukuhkan lagi dengan penandatanganan enam Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh bagi Kerjasama Saintifik dan Teknikal dalam Bidang Pertanian; Kerjasama dalam Bidang Perikanan; Kerjasama dalam Bidang Ternakan; Kerjasama dalam Bidang

Pembekalan Gas Cecair Asli (Liquefied Natural Gas - LNG); Kerjasama dalam Bidang Belia dan Sukan dan Kerjasama dalam Bidang Budaya dan Kesenian.

Dalam titah juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan bahawa Majlis Penandatanganan MoU tersebut akan mengukuhkan lagi hubungan yang sungguh bernilai dan memastikan ia akan terus diperkukuhkan pada tahun mendatang.

Selain itu, kedua-dua buah negara turut menandatangani MoU Perjanjian Kerjasama antara Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Brunei dengan Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Bangladesh untuk meningkatkan kerjasama komersil dan ekonomi antara Kerajaan Brunei dengan republik berkenaan ke arah prospek penubuhan industri-industri di bawah usaha sama dan kerjasama bersama yang diadakan pada Forum Perniagaan antara Komuniti Perniagaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat Bangladesh berlangsung di The Empire Hotel & Country Club.

MoU tersebut bertujuan untuk

mewujudkan satu kerjasama asas antara kedua-dua pihak tersebut dalam mencari sumber, membangun, berjual dan pelaburan dalam makanan halal, farmaseutikal halal, kosmetik halal dan hasil akuakultur halal.

Kebawah DYMM juga bertitah bahawa kedua-dua negara juga terus bekerja rapat bersama-sama dalam pelbagai forum serantau dan antarabangsa termasuk ASEAN, OIC, NAM dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dengan Lawatan Rasmi Perdana Menteri Bangladesh ini ia akan mengukuhkan lagi hubungan mesra dan persahabatan di antara kedua-dua buah negara yang melibatkan kerjasama dalam bidang-bidang berkepentingan bersama seperti kesihatan, pertanian, perikanan, pelaburan dan perdagangan, pelancongan dan sebagainya. Di samping itu, kedua-dua negara juga berpotensi meningkatkan perdagangan dua hala dan menggalakkan pertukaran aktif di antara ahli-ahli perniagaan untuk meningkatkan kerjasama dan perkongsian untuk menggabungkan kelebihan masing-masing bagi meneroki peluang eksport.



Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

HUBUNGAN dua hala Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh sudah terjalin sejak 35 tahun yang lalu apabila kedua-dua buah negara menjalin hubungan diplomatik. Keutuhan persahabatan di antara kedua-dua buah negara dikukuhkan lagi dengan Lawatan Rasmi Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina baru-baru ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh telah

Mohon keberkatan keselamatan jalan raya

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Khamis, 25 April. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam (MKKJR) mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Ratib Al-Attas di Masjid Sufri Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diimamkan oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah, Awang Haji Md. Zahid bin Haji Mohd. Zain yang kemudiannya mengetuai bacaan Ratib Al-Attas beramai-ramai.

Acara bulanan MKKJR tersebut khusus diadakan untuk memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya negara ini, terutamanya pengguna-pengguna jalan raya, sentiasa diberikan perlindungan daripada kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Di samping itu, acara juga merupakan usaha berterusan MKKJR untuk memohon berkat dalam segala usaha dan perancangan ke arah



meningkatkan keselamatan jalan raya demi kesejahteraan semua.

Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa ditemu bual oleh pihak media menyeru kepada semua pengguna jalan raya untuk memulakan setiap perjalanan dengan doa, di samping meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika memandu di jalan raya juga mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah.

"Pemandu-pemandu juga terus diseru untuk sentiasa mementingkan keselamatan serta mengamalkan pemakaian tali pinggang keledar, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan untuk

sentiasa mematuhi had laju yang ditetapkan serta tanda-tanda isyarat lalu lintas yang dipamerkan demi menjaga keselamatan bersama dan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku," jelas beliau lagi.

Majlis juga disertai oleh Timbalan Setiausaha Tetap, (Infokomunikasi, Cybersecurity, Strategi dan Korporat), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Rozaly bin Haji Saidon selaku Ketua Urusetia MKKJR; ketua-ketua jabatan; dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga Ahli-ahli MKKJR dan agensi-agensi yang berkepentingan seperti Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas; Jabatan Polis Diraja Brunei; dan guru-guru juga murid-murid Sekolah Ugama Amar Pahlawan, Perpindahan Berakas.

MURID-MURID Sekolah Ugama Amar Pahlawan, Perpindahan Berakas antara yang hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Ratib Al-Attas di Masjid Sufri Bolkiah, Berakas.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof (tengah) hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Ratib Al-Attas di Masjid Sufri Bolkiah, Berakas.

Ucapan tahniah di Kedutaan Jepun

Siaran Akhbar :
Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharani Michiko akan turun takhta pada 30 April 2019, iaitu pengunduran yang pertama seumpamanya oleh seorang Raja Jepun dalam tempoh dua abad.

Baginda akan digantikan oleh Putera Mahkota Naruhito dan Puteri Mahkota Masako yang akan menaiki takhta Maharaja dan Permaisuri baharu pada 1 Mei, 2019, menandakan permulaan rasmi era baharu, bernama 'Reiwa'.

'Reiwa' terdiri daripada dua watak 'Rei' dan 'Wa'. 'Rei' bermaksud cantik dan 'Wa' bermaksud keharmonian. Oleh itu, istilah tersebut membawa makna bahawa budaya yang dipupuk akan menyatukan rakyat dalam pendekatan yang indah.

Ini adalah kali pertama nama era telah diambil dari antologi lama puisi Jepun. Nama era baharu ini berasal dari 'Manyoshu', yang merupakan koleksi paling lama, sejak sekitar 1,200 tahun yang lalu.

Sehubungan itu, sebagai tanda permulaan era baharu itu, Kedutaan Jepun di negara ini mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk mengucapkan tahniah kepada bakal pewaris takhta diraja tersebut, Putera Mahkota Naruhito bermula 1 hingga 3 Mei 2019 bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 hingga 4.00 petang.



Tip

Pendidikan



Cara Mudah Kuasai Bahasa Inggeris? Ini Caranya :

- Memahami cara memulakan karangan iaitu pada bahagian pengenalan
- Memahami kaedah untuk mengembang bahagian isi.
- Memahami kaedah menulis penutup (Perenggan Penutup)
- Mengetahui cara mengesan kata kunci untuk menentukan kehendak dan keperluan isi yang perlu ditulis.
- Menguasai kemahiran tatabahasa dan membina ayat yang kreatif.
- Mengetahui format karangan yang hendak ditulis berdasarkan kehendak soalan.
- Menguasai kemahiran menggunakan penanda wacana, dan tanda baca.
- Para pelajar juga perlu mempunyai pengetahuan luas dalam hal ehwal isu semasa dan juga mengikuti perkembangan trend-trend terkini.
- Kerap membuat latihan merupakan syarat terakhir.
- Ibu bapa perlu tunjukkan sokongan padu kepada anak-anak

SUMBER : KEMENTERIAN PENDIDIKAN



PEMANGKU Rektor, UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad menerima wakaf buku daripada Hajah Norhayati binti Haji Zaidi, isteri Allahyarham Pengiran Dr. Haji Saiful Bahrin bin Pengiran Haji Kula, mantan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan dengan kerjasama

Perpustakaan UNISSA telah mengadakan Minggu Hari Buku Sedunia buat kali ketiga bertempat di Ruang Legar Perpustakaan UNISSA.

UNISSA sambut Minggu Hari Buku Sedunia

Majlis ini adalah sempena Sambutan Hari Buku Sedunia (World Book Day) dan Hak Cipta yang disambut pada setiap 23 April dengan tujuan untuk memupuk tabiat membaca secara berterusan di kalangan masyarakat, terutamanya generasi muda. Sambutan ini adalah resolusi daripada persidangan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 15 November 1995 yang mengisytiharkan 23 April sebagai Hari Buku.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Rektor, UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad yang seterusnya merasmikan Minggu Hari Buku Sedunia 2019 Peringkat UNISSA serta melancarkan UNISSA E-I'lami Institutional Repository.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

E-I'lami Institutional Repository merupakan platform penyimpanan bagi dokumen-dokumen digital (*soft copy*) yang dihasilkan oleh tenaga akademik, pengkaji atau penyelidik atau hasil kajian pelajar untuk memudahkan ianya dikumpul, dipelihara dan disebarkan dalam talian internet.

Acara diteruskan dengan penyampaian Wakaf Buku daripada Hajah Norhayati binti Haji Zaidi isteri Allahyarham Pengiran Dr. Haji Saiful Bahrin bin Pengiran Haji Kula, mantan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA.

Pengisian program diteruskan dengan forum bertajuk 'Berwakaf' dengan ahli-ahli panel forum terdiri daripada Dekan, Fakulti-fakulti Syariah dan Undang-undang, Dr. Hajah Mas Noorani binti Haji Mohaidin; Dekan, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Penolong Kanan Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-undang, UNISSA, Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi dengan Moderator Forum, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA, Profesor Madya Dr. Hajah Rose binti Abdullah.

Acara diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penyumbang wakaf peribadi, ahli-ahli panel serta moderator forum dan peserta Bengkel Information Literacy Skills.

Sepanjang sambutan tersebut, beberapa aktiviti diadakan, antaranya pameran dan jualan Buku-buku Terbitan UNISSA Press akan diadakan selama lapan hari, iaitu mulai 22 April hingga 1 Mei 2019 bermula dari Jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di Kawasan Ruang Legar Perpustakaan.

Sepanjang program dibukakan juga akan diadakan tawaran harga promosi, pengedaran Penanda Buku sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, penanda buku yang mengandungi kata-kata hikmah

berkaitan buku, ilmu dan pembacaan kepada ahli-ahli perpustakaan yang meminjam buku dan para pelanggan yang membuat pembelian buku-buku terbitan UNISSA Press.

Aktiviti ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, di samping menggalakkan ahli-ahli lebih banyak meminjam buku dan memanfaatkan ilmu pengetahuan.

Turut diadakan ialah Bengkel Institutional Repository untuk tenaga akademik UNISSA dengan objektif meningkatkan kepekaan tenaga akademik tentang kepentingan e-I'lami repository dan polisi repository berkenaan, menggalakkan penggunaan e-I'lami repository. Bengkel juga diadakan bagi menggalakkan penyerahan artikel atau bahan kajian sebagai simpanan perpustakaan dan menggalakkan *self-archiving*, iaitu memasukkan sendiri hasil kajian ke dalam e-I'lami repository dan mempercepatkan peningkatan isi kandungan /bahan di dalam e-I'lami repository.

Bengkel selama dua hari akan diadakan pada 29 hingga 30 April 2019 dikendalikan oleh Ketua Perpustakaan UNISSA, Dayang Norhasinah Haji Moxsin yang antaranya memfokuskan kaedah penggunaan e-I'lami repository, e-I'lami repository policy, *article submission guidelines* dan *Self-archiving guidelines*.

Pihak perpustakaan juga akan menyediakan Maktabah Hurrah Corner yang merupakan konsep yang serupa dengan Little Free di Perpustakaan UNISSA, di mana ia bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan warga UNISSA.

Konsep Maktabah Hurrah Corner ialah konsep bertukar-tukar buku. Pihak perpustakaan akan menempatkan satu tempat khusus di perpustakaan di mana pelajar, tenaga akademik UNISSA dan orang ramai boleh menyedekahkan buku mereka kepada Maktabah Hurrah Corner.

Kosmetik dicemari merkuri

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk tersebut telah dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Produk Kosmetik tersebut ialah Luffiya Night Kunyit yang tidak dinyatakan pengilangnya dicemari dengan merkuri.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Penggunaan merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas,

sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan dari pengguna; yang boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan untuk penjualan produk tersebut dan / atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau menggunakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan *advers* dan merasa tidak sihat selepas menggunakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian +673 2393298 sambungan 208; menghantar e-mel ke pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.



PRODUK Kosmetik Luffiya Night Kunyit yang tidak dinyatakan pengilangnya dicemari dengan merkuri.

Isteri keluar rumah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang wanita warganegara Brunei, berstatus isteri, Azimah binti Roslee, berusia 32 tahun yang dilaporkan keluar rumah.

Orang ramai yang mengetahui sebarang maklumat mengenai keberadaan perempuan tersebut boleh menghubungi Balai Polis Sengkurong melalui talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan 993 dan mana-mana Balai Polis berdekatan.



AZIMAH binti Roslee, berusia 32 tahun berstatus isteri, dilaporkan keluar rumah.

...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...

Bekerjasama dukung aspirasi negara

Oleh : Noraisah Haji Mohammed
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



KETUA Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya.

BELAIT, Rabu, 24 April. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Belait mengadakan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi penduduk Kampung Sungai Teraban, Mukim Kuala Belait

selama dua hari bermula hari ini hingga esok.

Majlis pembukaan program diadakan di Balai Raya Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput yang juga Ketua Kampung Labi I.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Program kali ini disertai oleh seramai 36 orang penduduk Kampung Sungai Teraban, diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Teraban, Awang Zaini bin Haji Kaderi.

Dalam ucapan alu-aluannya, Penolong Pegawai Penerangan yang juga Ketua Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku Pengerusi PMB bagi Kampung Sungai Teraban, Mukim Kuala Belait menjelaskan bahawa penglibatan semua pihak melalui

kaedah Whole of Nation Approach adalah sangat penting dalam memastikan semua pihak sama-sama melibatkan diri dalam dalam usaha menuju Wawasan 2035 dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Ke arah itu, jelasnya masyarakat terutama di peringkat akar umbi perlulah sentiasa peka dan mengetahui perancangan pembangunan dan usaha-usaha pihak kerajaan juga sektor swasta dalam mempertingkatkan kemajuan negara di pelbagai bidang.

"Melalui PMB ini, adalah menjadi harapan, agar ilmu dan maklumat yang dikongsikan akan dapat mempertingkatkan lagi kepekaan dan kesedaran kepada penduduk kampung agar lebih bersemangat lagi dalam melibatkan diri bagi sama-sama mencapai Wawasan 2035. InsyaaAllah, program ini juga akan dapat membuka peluang-peluang bagi penduduk kampung untuk berinteraksi dengan lebih dekat lagi bersama para perwakilan dari agensi-agensi kerajaan dan swasta," jelasnya.

Sementara itu, dalam temu bual bersama salah seorang peserta, Yang Dipertua Sutera, Awang Haji David bin Haji Kassim @ Haji



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput yang juga Ketua Kampung Labi I (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Muhammad Abu Daud berpendapat, usaha Jabatan Penerangan mengadakan PMB adalah menjurus ke arah agenda pembangunan negara, terutama dalam projek keusahawanan yang boleh bermula dari ladang hingga membawa ke perindustrian jika diusahakan secara komersial secara berterusan.

"Golongan belia dan orang ramai perlu mengambil peluang yang telah diperkenalkan oleh Darussalam Enterprise yang telah mengikut piawaian yang betul dengan cara ini apa jua perancangan keusahawanan akan dapat diperkembangkan hingga mencapai matlamat yang dihasratkan oleh setiap pengusaha," tambah beliau.

PMB antara lain diadakan

dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara, terutamanya dalam mencapai Wawasan 2035.

Melalui program seumpama ini para peserta berpeluang meningkatkan ilmu pengetahuan melalui beberapa siri taklimat dan lawatan yang diatitkan sepanjang PMB diadakan, di samping dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Kongsi pengetahuan melalui PMB

keusahawanan dan Sumbangan PMKS ke arah ekonomi.

Antara inisiatif dan program bantuan PMKS ujarnya adalah Promosi; Akses Pembiayaan; Ruang Perniagaan; Latihan dan Perkembangan; Perkhidmatan Sokongan; dan Akses Pasaran.

Dalam meningkatkan keupayaan DARE melalui ruang perniagaan berkualiti, tambahnya, DARE terus berusaha untuk menyediakan perkhidmatan dan prasarana berkualiti bagi mendukung pembangunan perusahaan tempatan.

Taklimat diteruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai 'Perintah Kanun Hukuman Syariah', disampaikan oleh para pegawai Perundingan Syariah, Dayang Hajah Noor Hartijah binti Haji Putih; Dayang Noor Dina Hayati binti Haji Awang; dan Dayang Mahani bin Haji Awang Suhaili.

Taklimat antara lain menghuraikan pengenalan perintah bagi kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam dan bukan Islam; kesalahan-kesalahan yang dilakukan di dalam dan luar Negara Brunei Darussalam; dan perbincangan kesalahan-kesalahan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Antara kesalahan-kesalahan yang dikenakan ke atas orang Islam sahaja, iaitu Irtidat (murtad), pemujaan, tidak membayar zakat atau fitrah dan tidak menunaikan Sembahyang Jumaat.

Manakala antara kesalahan-kesalahan yang dikenakan ke atas orang Islam dan orang bukan Islam, iaitu *sariqah* (curi), *hirabah* (rompak), 'qatl'

(menyebabkan kematian), menyebabkan kecederaan, menghina Nabi, mempermainkan ayat-ayat Al-Quran atau hadis, perbuatan tidak sopan dan tidak menghormati bulan Ramadan.

Tajuk yang menarik perhatian para peserta PMB ialah mengenai 'Peranan dan Tanggungjawab Rakyat dan Penduduk' dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Dalam taklimatnya, beliau antara lain mengongsikan tentang tanggungjawab negara kepada rakyat, bermatlamat untuk memberi perlindungan, jaminan dan kesejahteraan menyediakan kemakmuran juga kebajikan demi menjaga keselamatan, keamanan dan ketenteraman.

Manakala bagi rakyat dan penduduk pula katanya, mempunyai tanggungjawab kepada negara dan pemerintah; kepada masyarakat dan kepada

keluarga.

Antara peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk itu adalah taat setia kepada raja / sultan; menghormati dan mematuhi perlembagaan dan undang-undang; mendaulatkan sistem pemerintahan beraja; mengiktiraf dan menghormati bangsa Melayu dan agama Islam; Mendukung konsep Melayu Islam Beraja; Mendukung Wawasan Brunei 2035; dan mewujudkan perasaan setia dan cinta kepada raja.

Program diakhiri dengan taklimat mengenai 'Keselamatan Jalan raya dan Demerit Sistem / Peraturan Baharu Pendaftaran dan Perlesenan Treler Perahu' dari Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pengarah JPD, Awang Haji Md. Esa bin Haji Ibrahim, antara lain mengingatkan agar para pemandu sentiasa berwaspada ketika memandu dan mematuhi

undang-undang jalan raya bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Para pemandu kenderaan diseru untuk peka akan kehadiran pengguna jalan raya yang lain seperti penunggang motosikal, basikal dan pejalan kaki, dan harus peka dengan keadaan sekeliling seperti menjadi lebih berwaspada di kawasan-kawasan gelap dan kerap menjadi laluan pengguna jalan raya yang lain kerana ia adalah tanggungjawab bersama dalam memastikan jalan raya selamat untuk digunakan oleh semua pengguna.

Beliau juga menyarankan agar para pemandu untuk memandu dalam keadaan tidak mengantuk dan tidak menggunakan telefon bimbit juga mengingatkan bahawa keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama yang perlu ditani dan diamalkan juga hadiah terbaik bagi semua pengguna jalan raya adalah selamat pulang ke pangkuan keluarga.



PENGURUS Darussalam Enterprise (DARE), Dayangku Hajah Siti Normardinah binti Pengiran Haji Omarali menyampaikan Taklimat 'Program dan Peluang Keusahawanan'.

BELAIT, Rabu 24 April. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi penduduk Kampung Sungai Teraban, Mukim Kuala Belait diisikan dengan beberapa siri taklimat yang disusun oleh pihak penganjur bagi meningkatkan pengetahuan para peserta.

Mula-mula memberikan taklimat, Darussalam Enterprise (DARE) dengan topik 'Program dan Peluang Keusahawanan', disampaikan oleh Pengurus DARE, Dayangku Hajah Siti Normardinah binti Pengiran Haji Omarali.

Beliau antara lain mengongsikan hasrat penubuhan, iaitu untuk membangun perusahaan menjadi penggerak perkembangan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Katanya, DARE membangun Pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui peningkatan keupayaannya; menyediakan latihan dan perkembangan PMKS; memudah cara ekosistem yang Pro-Perniagaan; dan menggalakkan budaya



JPD menyampaikan flyers untuk kegunaan maklumat orang ramai.



Apa Pendapat Biskita?

Budaya negatif menyebabkan pekerja tertekan

BEKERJA adalah sumber pendapatan bagi seseorang individu, individu berkeluarga dan bagi sesetengah manusia di seluruh dunia memerlukan pekerjaan untuk menambah pendapatan atau lumrah aktiviti harian bagi masyarakat di seluruh dunia. Bagi sesetengah masyarakat ada pula yang lebih memilih bekerja sendiri, pendek kata merekalah majikan dan juga pekerjaanya manakala ada pula yang lebih memilih untuk bekerja dengan sesebuah jabatan kerajaan ataupun sesebuah organisasi syarikat.

Namun apa pun juga bentuk pekerjaan dan di mana pun juga seseorang individu itu bekerja, pastinya akan mengalami pelbagai situasi baik yang menyenangkan mahupun membebankan. APA PENDAPAT BISKITA pada kali ini suka untuk membincangkan berkaitan Kesedaran Penderaan Emosi di tempat kerja, bagi orang yang bekerja pasti merasai bagaimana emosi itu telah didera apabila seseorang itu ingin cuba untuk membuat yang terbaik di tempat kerja. Sebenarnya terdapat dua situasi emosi yang biasanya terjadi, iaitu situasi si pendera dan yang didera. Jadi apa yang kita ingin dan bincangkan di sini adalah bagaimana untuk kita menghapuskan penderaan emosi di tempat kerja secara langsung ataupun tidak langsung.

Penderaan di tempat kerja memang sering kita dengar akan keluhan-keluhan para pekerja mahupun ketua-ketua bahagian atau kepala atasan, namun ianya tidak seharusnya kita anggap sesuatu perkara yang ringan atau remeh, kerana ianya juga mampu merosakkan kemajuan dan perkembangan sesebuah jabatan atau organisasi berkenaan, apa yang penting, kita seharusnya menyimpan dan mempunyai kesedaran yang lebih besar bagaimana untuk menjaga emosi pekerja-pekerja kita dan jangan sesekali kita cuma memikirkan soal peningkatan dan progress diri kita sendiri sahaja, kerana daya emosi yang stabil dan persekitaran yang berinovatif tinggi mampu merangsang integriti yang tinggi pada pekerja kita dan ianya produk baik untuk peningkatan produktiviti dan progresiviti dalam sesebuah jabatan atau organisasi. - **Pn. Salmah Haji Latiff.**

Tekanan di tempat kerja memang sering berlaku dan ada kalanya ianya begitu serius dan boleh menjadikan seseorang itu rasa kecewa, murung dan menjadi seorang yang begitu agresif, oleh itu sesuatu perlu dilakukan. Apabila kesedaran emosi dipraktikan, nescaya kita mampu menghasilkan sebuah organisasi yang kuat dan mampu berkembang dari masa ke semasa. Malahan budaya tempat kerja yang negatif boleh menyebabkan pekerja mengalami tekanan berlebihan dan keadaan diri tidak terurus malah memberi kesan kepada kesejahteraan mental dan fizikal mereka, setiap organisasi perlu mewujudkan budaya tempat kerja yang positif, kerana kesihatan mental yang baik adalah penting bagi menyumbang kepada produktiviti dan keuntungan yang lebih tinggi kepada sesebuah organisasi. - **Ashraf Nawi, Kiarong.**

Beban kerja berlebihan, konflik interpersonal, penderaan fizikal dan psikologi, kurang sokongan daripada pihak pengurusan tinggi dan komunikasi yang tidak efektif menyumbang kepada risiko psikososial di tempat kerja, yang boleh membawa kepada tekanan, burn out dan kemurungan, oleh itu, kita perlu mengadakan kempen dan pendidikan mengenai kesihatan mental, sama ada di peringkat kebangsaan, daerah atau organisasi, perlu dilaksanakan seperti kempen kesedaran awam yang memberi tumpuan kepada kepentingan mengekalkan kesihatan fizikal. Kesejahteraan emosi pekerja akan memberi keuntungan yang baik (kepada sesebuah organisasi) kerana ini dapat mengurangkan bilangan pekerja mengambil cuti sakit dan kurang insiden ketidakhadiran serta presenteeism. - **Azman Haji Tengah, Muara.**

Penderaan emosi di tempat kerja? memang banyak yang menyifatkan tempat kerja adalah tempat yang penuh dengan stress, selain di luar tempat kerja dan hanya hati yang kental sahaja yang boleh tahan dengan penderaan bersifat emosi dan mental di tempat pekerjaan seseorang individu berkenaan. Bagi saya selaku penulis pada ruangan APB ini berpendapat masyarakat dunia sekarang sudah celik untuk memandang serius akan kebajikan pekerja, termasuklah juga yang berkaitan dengan emosi dan mental para pekerja. Bagaimana profesional pun seseorang pekerja itu dan bagaimana kental pun hati seseorang pekerja, namun dia tetapi manusia yang ada hati, perasaan dan emosi apatah lagi jika terlalu tekanan yang diberikan umpamanya perkataan-perkataan yang kurang sopan, baik di hadapan umum atau sebaliknya pastinya akan menguriskan perasaan bahkan menjatuhkan air muka individu tersebut dan perkara ini juga dengan secara tidak disedari mampu merubah perangai pekerja yang merasa diri mereka terdera emosi mahu pun mental, jika sebelumnya mereka merupakan seorang yang pendiam bersopan santun dan menghormati ianya mampu merubah individu yang terdera kepada sifat-sifat yang berlawanan, kerana apa kerana merasa diri mereka sangat tertekan, pendek kata manusia tetap manusia yang tidak seratus peratus sempurna. Oleh itu sebagai seorang ketua atau kepala sesebuah jabatan mahupun bahagian, perlu memikirkan sebelum melontarkan sesuatu emosi atau penderaan kepada pekerja, kerana kita juga perlu menjaga kebajikan pekerja tersebut dan menjadikan sesebuah jabatan atau organisasi tersebut mantap, damai dan saling bantu membantu ke arah kejayaan dan bukannya saling menjatuhkan dan tinds meninds untuk kebajikan dan kepentingan diri sendiri. Kerana manusia tetap manusia. Jika ini berlaku dan peningkatan peratus semakin meningkat, bagaimana kita boleh berkembang menjadi negara yang maju dari sudut ekonomi dan keharmonian, jikalau kebanyakan penduduknya disahkan mengalami penyakit-penyakit seperti ini?

Apa yang penting, seberat mana emosi atau perkara yang membelenggu fikiran kita selaku ketua, kepala atasan atau selaku pekerja bawahan, senyuman dan teguran yang lembut dan sopan mampu mengawal keadaan dan sebaliknya ianya akan lebih banyak melahirkan suasana yang selesa dan nyaman, sekali gus membantu meringankan rasa tekanan penderaan emosi dan mental seseorang tersebut, ikhlaslah dalam melontarkan senyuman dan teguran yang manis.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

- Bersederhana dalam berbuka puasa.
- Tugasan lelaki sebagai pak andam.

Tingkatkan semangat solidariti pelajar



PEGAWAI Luar Penerangan dari Unit Kenegaraan Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh menyampaikan taklimat pada Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.

LUMAPAS, Khamis, 25 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, di sini, taklimat dihadiri oleh tenaga pengajar juga penuntut-penuntut tahun 7 sekolah berkenaan.

Pada program tersebut, Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan dari Unit Kenegaraan, Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh, antara

lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu



ANTARA pelajar Tahun 7 yang mendengarkan taklimat pada Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Membentuk Keluarga Bahagia dan Harmoni'. Tarikh Tutup : 1 Mei 2019
- 'Puasa Ramadan Memantapkan Iman dan Taqwa'. Tarikh Tutup : 8 Mei 2019
- 'Tunaikan Tuntutan Zakat Fitrah'. Tarikh Tutup : 15 Mei 2019

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Siaran Akhbar :
Jabatan Penerangan
Foto : Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Program juga diselitkan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Selain sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, program seumpama tersebut juga bertujuan untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU



Ukiran unik, bercirikan klasik

Oleh : Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor
Foto : Jabatan Penerangan

MEMPUNYAI kediaman menarik dan teratur menjadi impian semua kerana ia antara terapi serta diserikan dengan pelbagai jenis ukiran kayu hiasan pada segenap ruang dalaman.

Apa saja bentuk ukiran kayu sama ada yang digantung pada dinding atau diletakkan atas meja pasti menyerlahkan dekorasi selari cita rasa pemiliknya.

Ukiran kayu memerlukan minda kerana ia adalah seni pertukangan tangan yang menjadi salah satu tradisi masyarakat Melayu sejak turun-temurun.

Begitulah pelbagai ukiran sumber inspirasi Awang Ibrahim bin Haji Sura, 63, dari Kampung Serdang bergiat dalam pembuatan kraf tangan ukiran hampir 15 tahun. Antara ukiran yang menarik perhatian ialah Kerikan yang digunakan oleh nenek moyangnya dahulu ketika memancing ikan sebelum wujudnya joran pancing.

Menurutnya, jenis-jenis kayu yang digunakan ialah Kayu Pokok Santul, Rangu dan lain-lain lagi. Beliau membuat Kerikan dengan menggunakan mesin khusus. Kemudian barulah menggunakan alat perkakas khusus bagi sesi mengukir, memahat, melorek dan lain-lain. Terkadang dalam usaha menghasilkannya sudah tentu memerlukan masa apatah lagi sewaktu melukis bentuk corak pada Kerikan itu dan pelbagai corak yang

diukir menghiasi produk-produk yang beliau hasilkan termasuklah corak Air Muleh.

Beliau yang juga merupakan bekas pesara tentera menghabiskan masa lapangnya dengan melakukan aktiviti yang berfaedah dan mahir serta telah lama cenderung dalam bidang seni ukir. Beliau bolehlah tergolong sebagai orang yang mahir dalam menghasilkan Kerikan.

Menurut Awang Ibrahim, untuk memudahkan bagi para pengguna kelak hendaklah memilih kayu yang ringan supaya ia senang apabila dipegang. Selepas itu, untuk membentuk Kerikan itu dengan menggunakan mesin khasnya.

Jelaslah, boleh kita lihat, proses pembuatan Kerikan ini tidaklah semudah yang disangka. Walaupun ia mengambil masa yang lama untuk disiapkan, hasilnya

sangat memuaskan.

Menghasilkan Kerikan memerlukan masa yang agak panjang termasuklah mencari idea untuk membentuk corak ukiran dan ia juga dijadikan perhiasan, bingkai gambar dan sebagainya mengikut kreativiti masing-masing.

Selain daripada Kerikan, bermula dari tahun 1990 hingga kini, koleksinya melebihi 100 jenis seperti keris, pedang, pisau, badik, parang, lembing dan tongkat. Barang-barang tersebut bukanlah untuk dijual malahan ia adalah sebagai koleksi peribadinya menghiasi almari dan dinding rumahnya. Walau bagaimanapun, sekiranya ada yang mewarisi ukiran-ukiran ini setentunya akan dapat menjana ekonomi jika ia diperkembangkan terutama golongan muda yang meminati seni ukiran.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin (kiri) menyampaikan hadiah kepada juara Kategori Terbuka, pasukan Jabatan Ukur pada Kejohanan Bola Sepak 5 Sepasukan (Futsal) Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2019.

Kejohanan Bola Sepak 5 Sepasukan labuh tirai

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Jabatan Ukur muncul johan setelah berjaya menewaskan Pejabat Ketua Pengarah bersama Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan jaringan, 3 - 0 bagi Kategori Terbuka semasa Majlis Penutup Kejohanan Bola Sepak 5 Sepasukan (Futsal) Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2019, berlangsung di Kompleks Sukan JKR, Lapangan Terbang Lama, di sini.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Air muncul johan bagi Kategori Veteran setelah bertembung dengan Jabatan Ukur, melalui jaringan penalti, 3 - 2 setelah terikat seri, 1 - 1.

Kategori VIP pula dimenangi oleh Jabatan Perkhidmatan

Teknikal apabila berjaya mengalahkan Jabatan Perkhidmatan Bangunan, JKR dengan jaringan 2 - 1.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Kejohanan yang bermula pada 19 April lalu itu dianjurkan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Bangunan dan Jabatan Jalan Raya, JKR dan disertai oleh sebanyak 32 pasukan yang dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori VIP, Kategori Veteran dan Kategori Terbuka.

Selain untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya, kejohanan juga diadakan untuk meningkatkan lagi kecerdasan mental dan fizikal, memupuk sikap bekerjasama, berkomunikasi dan semangat berpasukan di antara para pegawai dan kakitangan.

Melalui kejohanan ini juga diharapkan akan dapat membudayakan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan dan mencungkil bakat baharu yang dapat diketengahkan bagi kejohanan-kejohanan bola sepak di peringkat jabatan dan kementerian.

Tekad pameran prestasi terbaik



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud mengabadikan gambar kenang-kenangan bersama kontinjen negara.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Para atlet termasuk Skuad Bola Jaring Negara Brunei Darussalam (NBD) sememangnya berharap untuk memberikan mutu persembahan terbaik agar dapat menaikkan bendera negara tanda kemenangan di Sukan Arafura 2019 yang akan berlangsung di Darwin, Australia bermula 26 April sehingga 4 Mei depan.

Pengurus pasukan, Dayang Hajah Nurmah binti Haji Juma'at dan Penolong Pengurusnya, SSjn (B) Sabariah binti Haji Kamel Jumat seterusnya menjelaskan sebanyak lapan Pasukan Bola Jaring akan bertanding pada kejohanan kali ini yang dijangka akan bermula 1 Mei ini nanti.

Persiapan telah giat dilakukan sejak tahun lalu dengan latihan-latihan seperti kemahiran, dan *agility*.

Pasukan Bola Jaring yang dibarisi seramai 13 orang pegawai dan atlet serta seorang pegawai urus setia Kontinjen NBD telah

berlepas ke Darwin, Australia.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud yang juga turut memberikan kata-kata semangat dan juga nasihat kepada kontinjen negara.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said dan Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat.

Sebelum berlepas meninggalkan negara, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Abdul Halim bin Haji Fuad.

Kontinjen NBD akan menyertai sebanyak tiga acara sukan iaitu Bola Jaring, Olahraga bagi atlet Para dan Renang.

Temasya sukan dwitahunan itu kali terakhir diadakan pada tahun 2011 dan kontinjen NBD berjaya

memperoleh sebanyak 14 pingat iaitu empat emas, enam perak dan empat gangsa.

Edisi kali ini akan disertai seramai 1,500 atlet yang akan berentap merebut pingat dalam 17 acara sukan yang dipertandingkan iaitu 3x3 pro Hustle, Olahraga, Badminton, Bola Keranjang, Bola Tampar Pantai, Bola Tampar, Tinju, Bola sepak, Muaythai, Bola jaring, Sailing, Sepak Takraw, Skuasy, Renang, Pingpong dan Angkat Berat.

Sebanyak 40 negara akan menyertainya antaranya American Samoa, Australia, Austria, Bangladesh, Negara Brunei Darussalam, Kemboja, China, Taiwan, Kepulauan Cook, Republik Czech, England, Persekutuan Micronesia, Fiji,

Perancis, Great Britain, Guam, Hungary, India, Indonesia, Israel, Kazakhstan, Kiribati, Macau, Malaysia, Malta, Kepulauan Marshall, Mongolia, Nauru, Nepal, New Caledonia, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Papua

New Guinea, Filipina, Romania, Samoa, Singapura, Kepulauan Solomon, Thailand, Timor-Leste, Tonga, Turki, Tuvalu, Ukraine, Emiriah Arab Bersatu, Amerika Syarikat, Uzbekistan, Vanuatu dan Viet Nam.



PENGURUS pasukan, Dayang Hajah Nurmah binti Haji Juma'at (kiri) dan Penolong Pengurusnya, SSjn (B) Sabariah binti Haji Kamel Jumat (kanan).

Sukan

INFO SUKAN

KEJOHANAN Renang Kumpulan Umur Ke-27 yang diadakan baru-baru ini di Kolam Renang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, sebagai persediaan bagi SEA Games 2019 di Manila dan Kejohanan Renang Kumpulan Umur Asia Tenggara di Kemboja. Seramai 354 peserta daripada 18 pasukan dalam dan luar negara menyertai kejohanan tersebut.



ePaper Pelita Brunei

Tingkat kepakaran guru dalam boling



PRESIDEN Kongres Tenpin Boling Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Badee' bin Pengiran Kerma Raja Pengiran Haji Kamarulzaman ketika berangkat pada Majlis Pembukaan Kursus berlangsung di Dewan Kuliah Sekolah Sukan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Rabu, 24 April. - Seramai 20 orang guru sekolah menyertai Kursus Kemahiran Asas Tenpin Boling 'Learn to Bowl' selama tiga hari bermula hari ini bagi mengembangkan kemahiran sukan berkenaan dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Kursus berlangsung di Dewan Kuliah Sekolah Sukan, di sini.

Berangkat selaku tetamu kehormat

majlis, Presiden Kongres Tenpin Boling Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Badee' bin Pengiran Kerma Raja Pengiran Haji Kamarulzaman.

Yang Amat Mulia ketika bersabda menjelaskan bahawa bengkel tersebut adalah bertepatan dengan salah satu objektif persatuan berkenaan, iaitu bagi memupuk dan mempromosikan sukan boling di negara ini.

"Pendidikan dan bengkel boling seumpama ini setentunya akan meningkatkan lagi status boling kita dalam kalangan rakyat di negara ini. Oleh itu, saya menggalakkan Kementerian Pendidikan

melalui Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum dan institusi seperti Sekolah Sukan untuk meneruskan usaha dalam mempromosikan pengetahuan sukan, terutama boling kepada guru dan pelajar di seluruh negara," jelas Yang Amat Mulia.

Kursus itu adalah salah satu program pembangunan kapasiti bagi memperkukuhkan keupayaan atau kemahiran individu, khususnya dalam sukan Tenpin Boling demi mempertingkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang sukan dalam kalangan guru-guru sekolah.

Ia juga bertujuan bagi meningkatkan

keyakinan para guru dalam memberikan bimbingan dan latihan sukan tenpin boling kepada para pelajar, di samping mempersiapkan sekolah-sekolah dalam usaha meningkatkan penyertaan mereka pada kejohanan sukan tersebut di antara sekolah-sekolah menengah seluruh negara nanti.

Kursus dibuka kepada semua guru sekolah dari peringkat rendah hingga institusi pengajian tinggi juga warga Kementerian Pendidikan, terutama guru yang mengendalikan sukan boling sebagai salah satu aktiviti kokurikulum sekolah atau mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani.



KEJOHANAN Bola Sepak 5 Sepasukan labuh tirai MUKA 23

TEKAD pamer prestasi terbaik MUKA 23

Tahukah Awda

SEBANYAK 50 unit jaket keselamatan telah pun diagih-agihkan di Jeti Penurunan Penumpang, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara pada 27 Mac yang lalu, sebagai usaha Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam - MPABD) untuk meningkatkan tahap keselamatan semasa berada di atas perahu.

Jaket-jaket keselamatan yang diagih-agihkan kepada para pengendali dan pemandu perahu-perahu tambang di Sungai Brunei itu merupakan sumbangan Syarikat Royal Brunei Technical Services (RBTS) dalam usaha syarikat tersebut mendukung usaha pihak MPABD.

SUMBER : Pelita Brunei, edisi Sabtu, 30 Mac 2019.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'BUDAYAKAN CARA BEKERJA YANG SELAMAT DAN SIHAT'

دتر بیتکن اوله جباتن قدر اغن، جباتن فردان منتري دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam